



UNIMAS SEPINTAS LALU

Dana Penyelidikan

Dana Antarabangsa, Swasta dan Kerajaan

RM 8,009,615.77

#201 Asia

#7 Malaysia

Penarafan QS



Program Akademik

43 PRASISWAZAH

37 PASCASISWAZAH

Enrolmen Pelajar

5,203

707 Pra-Universiti

1,516 Pascasiswazah

14,274 Pra-Siswazah

562 Pelajar Antarabangsa

Sumber Manusia

2,257

791 Staf Akademik

1,466 Staf Pentadbiran

80 Staf Antarabangsa

Sumber Ilmu Pusat Khidmat Maklumat Akademik

Buku Bercetak **235,377**

Bahan Media **11,503**

Buku Elektronik **1,509,737**

Jurnal Elektronik **74,556**

Program Mobiliti

31 orang pelajar
*Inbound Mobility
Programme* dari
7 negara

72 orang pelajar
*Outbound Mobility
Programme* ke
8 negara

Kerjasama Strategik

6 Antarabangsa

7 Kebangsaan

3 Negara

7 Agensi



**Gemilang
2014**

27 Oktober 2014

Pemasyhuran Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud sebagai Canselor UNIMAS yang ketiga.





1 November 2014

Pemasyhuran YAB Datuk Patinggi Tan Sri Datuk Amar (Dr) Haji Adenan Haji Satem sebagai Pro-Canselor UNIMAS.

**Gemilang
2014**





**Gemilang
2014**

16 April 2014

Penganugerahan status UNIVERSITI AUTONOMI oleh
Kementerian Pendidikan Malaysia





27 Oktober 2014

Perjumpaan Khas YAB Datuk Patinggi Tan Sri Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan Malaysia bersama warga UNIMAS

**Gemilang
2014**



Gemilang 2014



Perasmian Pusat Islam Tun Abang Salahuddin
disempurnakan oleh TYT Yang di-Pertua Negeri Sarawak pada 11 Februari 2014.



First Asia Pacific Responsible Business Innovation Workshop

Anjuran Fakulti Ekonomi dan Perniagaan pada 19 Februari 2014 di Merdeka Palace Hotel and Suites.



Fakulti Perubatan Dan Sains Kesihatan
memulakan operasi di Kota Samarahan.

WEBOMETRICS Ranking Web Of World Universities

Mendapat tempat ke-16 dari kalangan 92 buah universiti awam dan swasta yang tersenarai di Malaysia.



Malaysian Technology Exposition (MTE) 2014

Penyelidik UNIMAS berjaya mendapat 2 Anugerah Khas, 2 Emas, 3 Perak dan 4 gangsa.



Majlis Perasmian Penyerahan Lapan buah bas yang baharu untuk kegunaan pelajar dan warga universiti.



SAMBUTAN AIDILFITRI

UNIMAS dengan tema "Meriahnya Aidilfitri di Kampung" dihadiri Mantan TYT Yang di-Pertua Negeri Sarawak serta isteri dan semua staf UNIMAS.



Hari Inovasi UNIMAS

bagi mengiktiraf sumbangan kreatif dan inisiatif staf dalam membudayakan Budaya Inovasi.



UNIMAS memenangi Anugerah OCW dalam Karnival E-Pembelajaran Universiti Peringkat Kebangsaan

Dr Chong Yee Ling dan En Badiozaman Sulaiman, Pensyarah Fakulti Sains dan Teknologi Sumber berjaya merangkul Anugerah OCW dalam Karnival E-Pembelajaran Universiti Peringkat Kebangsaan.



Disability Studies: Heading in the Right(s) Direction? Conference (DisCon2014)

anjuran Pusat Kecemerlangan Kajian Ketidak-Upayaan (CoEDS) di bawah Fakulti Sains Sosial.



Persidangan Perniagaan Antarabangsa Borneo (IBBC)

anjuran Fakulti Ekonomi dan Perniagaan dengan kerjasama Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan Universiti Malaysia Sabah (UMS).



Lawatan Kerja Timbalan Menteri Pendidikan 1, YB Datuk Mary Yap Kain Ching

bertujuan untuk meneliti dan mengetahui secara khusus dan komprehensif penglibatan serta pencapaian pihak UNIMAS dalam pembangunan luar bandar di negeri Sarawak.



UNIMAS STEM EnCon2014

anjuran Fakulti Kejuruteraan dengan tema "Advances in Process Engineering, Green Energy and STEM Education".



Persidangan Antarabangsa Pemprosesan Bahasa Asia (IALP 2014)

anjuran Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat dengan kerjasama ISITI, IEEE Singapore Computer Chapter and Chinese dan Oriental Languages Information Processing Society (COLIPS).



Persidangan Perkhidmatan Inovasi Ke-4 2014 (4th ISIDC 2014)

Anjuran Institut Reka Bentuk dan Inovasi UNIMAS dengan tema "Budaya dan Nilai Baru" disertai oleh ahli akademik dan pakar industri dari negara Korea, Singapura, Jepun, Malaysia dan sebagainya.



Konsert 'The Magic of ASEAN'

anjuran bersama ASEAN, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, Istana Budaya dan UNIMAS bertempat di Arena Gemilang, DeTAR PUTRA.



Kolokium Sains Pembelajaran kali ke-4 anjuran Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia. Penceramah jemputan adalah mantan Naib Canselor UPSI, YBhg Prof Dato' Aminah Ayob.



Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan Universitas Tarumanegara (UNTAR)

meliputi bidang seperti program penukaran pelajar dan staf, kerjasama dalam projek penyelidikan, aktiviti bersama organisasi, kerjasama konsultasi dan penukaran kepakaran dan intelektual.



Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan Canselor UNIMAS

Perlantikan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud sebagai Canselor UNIMAS yang ketiga menggantikan mantan Tuan Yang Terutama Tun Datuk Patinggi Abang Haji Muhammad Salahuddin.



Pengiktirafan Akreditasi Penuh daripada Majlis Akreditasi Kejuruteraan Malaysia (EAC) dan Lembaga Jurutera Malaysia (BEM)

Fakulti Kejuruteraan mencipta sejarah apabila empat program fakulti berkenaan menerima pengiktirafan tersebut.



Warga UNIMAS prihatin

Aktiviti kreatif untuk Pray for MH370 bagi menunjukkan keprihatinan dan sokongan kepada nasib para penumpang dan anak kapal MH370.



Majlis Amanat Naib Canselor 2014

Bertemakan "Menggalas Amanah, Memacu Kegemilangan" pada 25 Februari 2014.



Seoul International Invention Fair (SIIF)

Penyelidik UNIMAS berjaya membawa pulang dua pingat emas, dua pingat perak dan satu gangsa.



Sambutan Ngabang Gawai

julung kali diadakan bertujuan menghargai adat resam perayaan Gawai dan memberi ruang kepada warga UNIMAS merasai pengalaman sambutan Hari Gawai.



Majlis Anugerah Gemilang UNIMAS (MAGU) 2014

158 staf UNIMAS menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Khidmat Bakti.



HARI KELUARGA UNIMAS

Beri ruang kepada staf UNIMAS untuk melakukan aktiviti bersama keluarga mereka dalam pengisian masa yang terluang, menyemarakkan semangat kerjasama, hormat-menghormati dan menanam nilai-nilai murni melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan.



'British Invention Show' (BIS) 2014

Penyelidik UNIMAS memenangi tiga anugerah khas, empat pingat emas dan empat pingat gangsa.



SIDANG PENGARANG

Penasihat

YBhg Prof Dato' Dr Mohamad Kadim Suaidi

Ketua Editor

Prof Madya Dr Fitri Suraya Mohamad

Editor

Dr Fatimah Subet
Sarena Haidir
Yulhardy Budiman
Siti Afeiza Hasim

Rekaletak & Grafik

Dayanie Hashim
Salmiah Abdul Hamid
Suraya Bakeri
Yulhardy Budiman
Azlandy Mohammid Ali Tuah

Urusetia

Aileen Anne Jinggong
Nommy Kerry

Bahagian Perancangan dan Komunikasi Korporat, Universiti Malaysia Sarawak
94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia
Tel : +60 82 581000 Faks : +60 82 665088 Email : corporate@unimas.my

KANDUNGAN

LAPORAN
Tahunan 2014
UNIMAS

Sepintas Lalu

Gemilang 2014

Sidang Pengarang

1	Maklumat Korporat & Profil Universiti
21	Laporan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti
25	Laporan Naib Canselor
31	Akademik
45	Pengantarabangsa
53	Penyelidikan dan Inovasi
67	Pembangunan Pelajar & Alumni
77	Pembangunan Kampus
81	Khidmat Maklumat Akademik
109	Teknologi Maklumat & Komunikasi
113	Sumber Manusia
123	Laporan UNIMAS Holdings
127	Laporan Kewangan



“ Untuk menjadi sebuah universiti contoh serta diiktiraf di peringkat antarabangsa dan institusi pengajian tinggi yang menjadi pilihan utama golongan pelajar dan akademik melalui pencapaian cemerlang dalam bidang pengajaran, penyelidikan dan keserjanaan.

”

“ Untuk menjana, menyebarkan dan menerapkan ilmu secara strategik dan inovatif bagi memperkasakan kualiti budaya bangsa dan kemakmuran masyarakatnya.

”

Maklumat Korporat &
Profil Universiti



MATLAMAT UNIVERSITI

Kontemporari dan Berpandangan Jauh

PENDIDIKAN & LATIHAN

Universiti ini beriltizam mendemokraskan pendidikan iaitu dengan memberi peluang pendidikan kepada seramai mungkin. Universiti ini akan menawarkan pelbagai kursus ijazah pertama, lanjutan serta kursus pascasiswazah yang khusus dan mendalam. Program akademik akan dianjurkan melalui penubuhan unit akademik yang sesuai dan pelbagai bentuk pengajaran yang bersifat konvensional dan inovatif.

Perubahan sosial dan teknologi yang pesat menyebabkan permintaan bagi pembelajaran dan latihan semula turut bertambah, dan Universiti ini akan menyokong program pendidikan yang berterusan dan seumur hidup mengikut sumber dan keupayaannya.

Universiti akan menggalakkan dan mengejar perkembangan inovatif dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi menentukan amalan pengajaran yang baik dan prestasi penyampaian yang berkualiti oleh kakitangan akademiknya.

PENYELIDIKAN

Penyelidikan merupakan salah satu fungsi utama Universiti. Oleh itu pelbagai kelompok, pusat atau institut penyelidikan akan ditubuhkan untuk memberi tumpuan kepada bidang-bidang yang diberi keutamaan.

Universiti akan menyambut permintaan luar dan peluang penyelidikan, dan akan bertanggungjawab dari segi sosial terhadap kegiatan penelidikannya melalui pembentukan mekanisme bagi menilai prestasi aktiviti penyelidikan.



PERKHIDMATAN

Universiti ini akan menggalakkan seluas mungkin penggunaan latihan, penyelidikan, perkhidmatan, serta sumber-sumber lainnya, menggalakkan penggunaan sumber-sumber tersebut secara berkesan, serta menyebarkan segala penemuan penyelidikan dan kepakarannya kepada kerajaan dan industri, atas asas-asas komersial sekiranya perlu. Universiti ini juga menggalakkan kakitangannya memberi perkhidmatan kepada komuniti.



BAHASA

Bahasa Melayu akan terus dimartabatkan sebagai teras pembinaan bangsa Malaysia dan diperteguhkan atas dasar-dasar yang berkaitan dengannya. Menyedari peranan dominan Bahasa Inggeris di persada antarabangsa, terutamanya dalam arena pembangunan sains dan teknologi, perniagaan serta profesional, Universiti ini akan terus mengukuhkan kecekapan Bahasa Inggeris yang tinggi dalam kalangan staf akademik, pelajar dan komuniti kesajaranaannya. Selain itu, Universiti ini juga membuka peluang pembelajaran bahasa-bahasa serantau dan antarabangsa untuk memberi kelebihan komunikasi kepada pelajar UNIMAS.

KEBUDAYAAN & SUKAN

Galakan akan diberi bagi kegiatan sosial, kebudayaan, sukan dan riadah untuk para pelajar, kakitangan dan komuniti Universiti ini. Usaha bagi memaju dan mendalami budaya negara Malaysia akan turut disokong. Kesedaran dan penghayatan kekayaan warisan masyarakat kita yang berbilang kaum akan dipertingkatkan dalam kalangan komuniti Universiti. Selain itu, semua anggota komunitinya digalakkan untuk mengenal pasti peranan dan tanggungjawab mereka dalam mewujudkan masyarakat penyayang dan bangsa Malaysia yang bersatu.



TEKNOLOGI

Perubahan teknologi dan inovasi yang berterusan telah memberi kesan kepada institusi pendidikan serta para pengurusannya. Teknologi maklumat khususnya telah berjaya meningkatkan taraf pengajaran, pentadbiran dan perpustakaan universiti serta kecanggihan penyelidikan dan penerbitan hasil penemuan ilmiah yang penting. Inovasi senibina dan ergonomik pula mempunyai prospek untuk meningkatkan keberkesanan kegiatan pedagogi. Pihak Universiti akan memberi perhatian yang rapi terhadap perubahan pesat teknologi, dan akan sentiasa gigih menambahkan keupayaannya sendiri, terutamanya dalam usaha menilai, menerap dan membentuk inovasi teknologi.

Universiti ini akan menentukan bahawa teknologi dan kemudahan yang diperolehi itu akan dieksploitasi sepenuhnya bagi mewujudkan suasana keserjanaan yang optimum di kampus, dan mendorong kakitangan akademik dan pelajar untuk berusaha bersungguh-sungguh dalam segala kegiatan akademik dan juga kokurikulum, termasuk sukan.



KERJASAMA UNIVERSITI-INDUSTRI

Untuk menjadi sebuah negara maju sepenuhnya, industri di Malaysia memerlukan teknologi yang lebih canggih berbanding dengan yang ada hari ini. Universiti akan mengeneipkan halangan birokrasi dan budaya yang kerap menjejaskan pertukaran input yang canggih daripada dan kepada industri. Sebaliknya, mekanisme dan kaedah yang mudah yang boleh memanfaatkan kedua-dua pihak akan diguna dalam menggalakkan kerjasama dua hala dengan industri, terutamanya dengan sektor perindustrian yang bertaraf tinggi.

RANGKAIAN PERHUBUNGAN

Dengan mengadakan hubungan dengan universiti-universiti lain di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, Universiti ini akan dapat meletakkan dirinya sebagai sebahagian daripada institusi keserjanaan dan seterusnya berusaha memperoleh pengiktirafan akademik dari seluruh dunia.

Universiti ini akan mewujudkan pelbagai rangkaian penasihat bertujuan memudahkan interaksi secara rapat dengan pelbagai kumpulan pelanggannya. Perhubungan yang berterusan antara graduan dengan Universiti akan digalakkan melalui penubuhan persatuan dan perkhidmatan alumni yang berkesan.



KUALITI DAN KECEMERLANGAN

Kualiti akan menjadi tumpuan Universiti ini. Oleh itu, Universiti ini akan memastikan kualiti keluarannya (kursus, hasil penyelidikan dan perkhidmatan) mendapat sokongan dan dipertahankan, serta prestasi akademik keseluruhannya sentiasa dinilai. Penilaian kakitangan akademiknya akan berdasarkan kepada prestasi mereka melaksanakan tugas-tugas yang diberikan yang meliputi pengajaran, penyelidikan, perkhidmatan masyarakat dan pentadbiran.

Bagi meningkatkan reputasi dan imej, Universiti akan mewujudkan identiti organisasi yang tersendiri serta membuat perancangan dan pemasaran yang strategik.

SUMBER MANUSIA

Kualiti sumber manusia adalah suatu faktor yang amat penting dalam menentukan mampu tidaknya Universiti menangani cabaran. Sehubungan dengan itu Universiti akan menggalakkan pengurusan yang berorientasikan manusia serta memberi penekanan kuat terhadap pembangunan sumber manusia. Universiti ini akan mencari jalan untuk menarik dan mengekalkan kakitangan yang berkaliber.





SEJARAH UNIMAS

22 TAHUN KEGEMILANGAN

UNIMAS secara rasminya ditubuhkan pada 24 Disember 1992. Bermula dengan kira-kira 30 orang kakitangan akademik, UNIMAS membuka pintunya kepada kumpulan pertama 118 orang pelajar pada 8 Ogos 1993. Para pelajar telah didaftarkan di dua fakulti perintis iaitu Fakulti Sains Sosial dan Fakulti Sains dan Teknologi Sumber. Dua pusat sokongan akademik juga ditubuhkan iaitu Pusat Pembelajaran Gunaan dan Multimedia (PPGM), dan Pusat Khidmat Maklumat Akademik (PKMA).

Pada tahun berikutnya, empat lagi fakulti membuka pintu untuk kursus ijazah pertama. Fakulti-fakulti berkenaan ialah Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia, Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Fakulti Kejuruteraan dan Fakulti Teknologi Maklumat. Bilangan kakitangan dan pelajar meningkat sebanyak empat kali ganda. Sementara itu, profil UNIMAS mula meningkat kerana kebanyakan fakulti mula menawarkan program pascasiswazah. Aktiviti penyelidikan mula berakar umbi dengan penubuhan Institut Biodiversiti dan Pemuliharaan Alam Sekitar, yang memberi tumpuan kepada kepelbagaian flora dan fauna di Borneo. Hubungan dengan pelbagai universiti di luar negara juga mula dijalinkan.

Tempoh antara Januari 1995 dan akhir Disember 1996 menyaksikan peningkatan dalam pemantapan struktur akademik dan penyelidikan Universiti. Dua lagi fakulti, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan yang ditubuhkan pada tahun 1995, dan Fakulti Ekonomi dan Perniagaan yang ditubuhkan pada 1996, mula mengambil kelompok perintis pelajar masing-masing. Hal ini menjadikan jumlah fakulti kepada lapan buah keseluruhannya, seperti yang dirancang pada awal penubuhan UNIMAS.

Pusat Pengajian Bahasa dan Komunikasi mula menawarkan program *Teaching of English as a Second Language* (TESL), sebagai tambahan kepada kursus-kursus generik kemahiran bahasa. Institut Kesihatan dan Perubatan Komuniti, dan Institut Teknologi Perisian juga ditambah kepada senarai institut penyelidikan yang sedia ada.

Tahun 1997 menyaksikan detik bersejarah di UNIMAS apabila kumpulan perintis graduan menerima ijazah mereka pada majlis konvokesyen sulung Universiti. Pada tahun ini juga Institut Pengajian Asia Timur ditubuhkan.

Pada tahun 2000, Prof Datuk Yusuf Hadi telah dilantik sebagai Naib Canselor ke-2 bagi menggantikan Prof Dato' Zawawi Ismail selaku Naib Canselor yang pertama. Prof Datuk Dr. Abdul Rashid Abdullah telah dilantik sebagai Naib Canselor ke-3 pada 1 Februari 2005. Prof Datuk Dr. Khairuddin Ab. Hamid kemudiannya dilantik sebagai Naib Canselor ke-4 pada tahun 2008 sehingga 31 Mac 2013. Manakala, Prof Dato' Dr. Morshidi Sirat kemudiannya dilantik sebagai Naib Canselor UNIMAS ke-5 pada 1 April 2013. Walau bagaimanapun, tempoh perkhidmatan beliau terpaksa dipendekkan kerana beliau telah dipanggil semula ke Kementerian Pendidikan Malaysia untuk memegang jawatan Ketua Pengarah. YBhg Prof Dato' Dr Mohamad Kadim Suaidi seterusnya mengambil alih jawatan sebagai Naib Canselor UNIMAS ke-6 pada 16 April 2013.

Setakat Disember 2014, jumlah enrolmen pelajar prasiswazah ialah seramai 14,274 orang, pascasiswazah 1,814 orang manakala pelajar pra-universiti ialah 739 orang. Manakala jumlah kakitangan Universiti ialah seramai 2,257 orang dan daripada jumlah ini, 791 orang mewakili kumpulan akademik.



CANSELOR

Tuan Yang Terutama
Tun Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud



PRO-CANSELOR

Yang Amat Berhormat
Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Haji Adenan bin Haji Satem



PRO-CANSELOR

Yang Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri
(Dr) Alfred Jabu Anak Numpang



MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi
Tan Sri Haji Muhyiddin Bin Haji Mohd Yassin



PENGERUSI

Lembaga Pengarah Universiti

Yang Berbahagia Datu Dr Hatta Solhi

LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI



**YB Tan Sri Datuk Amar Haji Mohd Mershidi
Abdul Ghani**
Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak



YBhg Prof Dato' Dr Mohamad Kadim Suaidi
Naib Canselor



YBhg Datin Paduka Ir. Dr Siti Hamisah Tapsir
Timbalan Ketua Pengarah JPT (IPTA)



YBhg Datin Hajjah Jabidah Menseri
Pegawai Kewangan Persekutuan Sarawak



YBhg Prof Datuk Dr Abdul Rashid Abdullah
Profesor, Institut Pengajian Asia Timur



**YB Puan Hajjah Sharifah Hasidah Sayeed
Aman Ghazali**
Setiausaha Politik Ketua Menteri Sarawak



**YBrs Dr Haji Mohammad Hirman
Rilom Abdullah**
Doktor Perubatan



YBhg Datuk Fong Joo Chung
Penasihat Undang-Undang
bagi Kerajaan Negeri Sarawak



YBrs Encik Michael Wong Sing Lung
Usahawan

SENAT



YBhg Prof Dato' Dr Mohamed Kadim Suaidi
Naib Canselor



YBhg Prof Mohd Fadzi
Abdul Rahman
Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)



YBhg Prof Dr Kopli Bujang
Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan dan Inovasi)
(mulai 13 Mac 2014)



Prof Dr Wan Hashim Wan Ibrahim
Timbalan Naib Canselor
(Akademik dan Antarabangsa)
(mulai 15 September 2014)



YBhg Prof Dr Fatimah Abang
Timbalan Naib Canselor
(Akademik dan Antarabangsa)
(sehingga 14 September 2014)



YBhg Prof Dr Peter Songan
Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan dan Inovasi)
(sehingga 12 Mac 2014)

SENAT



**Prof Madya
Dr Haji Mohd Ibrahim Safawi
Mohd Zain**
Penolong Naib Canselor



**Prof Madya
Dr Neilson Ilan Mersat**
Dekan
Fakulti Sains Sosial



**Prof Madya Dr Mohd Hasnain
Md Hussain**
Dekan
Fakulti Sains dan Teknologi Sumber



Prof Dr Wan Hashim Wan Ibrahim
Dekan
Fakulti Kejuruteraan
(sehingga 14 September 2014)



Prof Madya Dr Al-Khalid Hj Othman
Dekan
Fakulti Kejuruteraan
(mulai 15 Oktober 2014)



Dr Johari Abdullah
Dekan
Fakulti Sains Komputer dan
Teknologi Maklumat



**Prof Madya
Dr Hasnizam Abdul Wahid**
Dekan
Fakulti Seni Budaya dan Kreatif



**Prof Madya
Dr Shahren Ahmad Zaidi Adruce**
Dekan
Fakulti Sains Kognitif dan
Pembangunan Manusia



Dr Mohammad Affendy Arip
Dekan
Fakulti Ekonomi dan Perniagaan



Prof Dr Ahmad Hafa Rasit
Dekan
Fakulti Perubatan dan
Sains Kesihatan



Prof Dr Ernest Cyril De Run
Dekan
Pusat Pengajian Siswazah



Dr Norazuna Norahim
Dekan
Pusat Pengajian Bahasa



Prof Dr Sinin Hamdan
Dekan
Pusat Pengajian
Pra - Universiti



Prof Dr Gabriel Tonga Noweg
Dekan
Pusat Pembelajaran Gunaan
dan Multimedia



Prof Madya Dr Rusli Ahmad
Dekan
Pusat Pemajuan Pelajar



Prof Madya Dr David Perera
Pengarah
Institut Kesihatan dan
Perubatan Komuniti

SENAT



Prof Dr Andrew Alek Tuen
Pegarah
Institut Kepelbagaian Biologi dan
Pemuliharaan Alam Sekitar



Prof Dr Alvin Yeo Wee
Pegarah
Institut Informatik Sosial dan
Teknologi Inovasi



Prof Dr Henry Rantai Gudum
Profesor Bidang Perubahan



**Prof Dr Fasihuddin
Badruddin Ahmad**
Ahli Ko-opt



**Prof Madya
Dr Norazila Abdul Aziz**
Ahli Ko-opt



Tuan Haji Abu Bakar Ibrahim
Pemangku Pendatar



Tuan Haji Mazlan Kiffie
Bendahari



Puan Margaret Simeng
Ketua Pustakawan



Encik Harun Maksom
Pegarah
Pusat Teknologi Maklumat
dan
Telekomunikasi



Cik Mavis Goh
Penasihat Undang-Undang

JAWATANKUASA EKSEKUTIF



YBhg Prof Dato' Dr Mohamad Kadim Sualdi
Naib Canselor UNIMAS



YBhg Prof Mohd Fadzil Abdul Rahman
Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)



YBhg Prof Dr Kopli Bujang
Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan dan Inovasi)
(mulai 13 Mac 2014)



Prof Dr Wan Hashim Wan Ibrahim
Timbalan Naib Canselor
(Akademik dan Antarabangsa)
(mulai 15 September 2014)



YBhg Prof Dr Fatimah Abang
Timbalan Naib Canselor
(Akademik dan Antarabangsa)
(sehingga 14 September 2014)



YBhg Prof Dr Peter Songan
Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan dan Inovasi)
(sehingga 12 Mac 2014)

JAWATANKUASA EKSEKUTIF



**Prof Madya
Dr Haji Mohd Ibrahim Safawi
Mohd Zain**
Penolong Naib Canselor



Tuan Haji Abu Bakar Ibrahim
Pemangku Pendatar



Tuan Haji Mazlan Kiffie
Bendahari



Puan Margaret Simeng
Ketua Pustakawan



Encik Humphrey Royang Janang
Pengarah
Pembangunan



Encik Harun Maksom
Pengarah
Pusat Teknologi Maklumat dan
Telekomunikasi



**Prof Madya
Dr Fitri Suraya Mohamad**
Pengarah
Bahagian Perancangan
Komunikasi Korporat



Cik Mavis Goh
Penasihat Undang-Undang

JAWATANKUASA AUDIT



YBhg Datuk Fong Joo Chung
Penasihat Undang-Undang
bagi Kerajaan Negeri Sarawak



YBhg Datin Paduka Ir. Dr Siti Hamisah Tapsir
Timbalan Ketua Pengarah JPT (IPTA)



YBhg Datu Hajjah Jabidah Monseri
Pegawai Kewangan Persekutuan Sarawak



YBhg Datuk Haji Md Yahaya Basimin
Setiausaha Persekutuan Sarawak




**Prof Madya
Dr Shahren Ahmad Zaidi Adruce**
Dekan
Fakulti Sains Kognitif dan
Pembangunan Manusia




Puan Nor Reasia Sebli
Ketua
Unit Audit Dalam

CARTA ORGANISASI



**JAWATANKUASA
EKSEKUTIF**





Laporan Pengerusi

Lembaga Pengarah Universiti



LAPORAN

PENGERUSI Lembaga Pengarah Universiti



Sebagai sebuah Universiti Komprehensif yang telah diberi status Autonomi pada tahun 2014, Lembaga Pengarah Universiti (LPU) telah dan akan memainkan peranan yang lebih aktif dalam membantu Universiti ke arah pencapaian matlamat dan visi UNIMAS, dalam jangka masa pendek dan panjang.

Pengerusi LPU, YBhg Datu Dr Hatta Solhi telah menerajui ahli-ahli lembaga dalam melaksanakan tugas-tugas fidusiari termasuk di dalam mengubal pelan strategik dan dasar-dasar bagi memastikan ianya digubal dan diluluskan sejajar dengan peruntukan Akta Penubuhan Badan Berkanun.

Pencapaian yang paling menyerlah pada tahun 2014 adalah apabila UNIMAS telah diiktirafkan sebagai sebuah universiti berautonomi. Status autonomi telah diperoleh pada 22 April 2014 dan telah disampaikan pada 16 Januari 2015 oleh Timbalan Perdana Menteri, YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Haji Mohd Yassin yang juga merupakan Menteri Pendidikan di Kementerian Pendidikan Malaysia.

Status autonomi memberi mandat kepada Universiti untuk membuat keputusan dalam beberapa bidang terpilih, iaitu governan institusi, pengurusan kewangan, pengurusan sumber manusia dan governan akademik.

Pada sepanjang tahun 2014, mesyuarat LPU dan mesyuarat khas LPU telah berjaya diadakan

secara berkala. Mesyuarat ini dilakukan mengikut keperluan, terutamanya yang melibatkan pelaksanaan segera di peringkat Eksekutif. Bagi memastikan kelestarian pengurusan UNIMAS yang efektif dan berkesan, pematuhan terhadap Tadbir Urus yang efisien menjadi keutamaan LPU kerana banyak keputusan yang berhubung dengan Dasar dan Tadbir Urus Universiti telah dibuat. Dalam melaksanakan peranan ini, LPU bekerjasama rapat dengan barisan Pengurusan Universiti (Jawatankuasa

“Status autonomi memberi mandat kepada Universiti untuk membuat keputusan dalam beberapa bidang terpilih, iaitu governan institusi, pengurusan kewangan, pengurusan sumber manusia dan governan akademik.”

Eksekutif) bagi memastikan pencapaian Visi dan Misi UNIMAS. Pelan Strategik UNIMAS yang mula dirangka bersama antara LPU dan pengurusan Universiti pada tahun 2013 telah ditambah baik pada tahun 2014.

Selain itu, LPU juga telah terlibat dalam penetapan dasar yang berkaitan dengan Kawalan Belanjawan dan Kewangan, Pelaburan Kumpulan Wang Berlebihan, Penyelenggaraan Rekod Akaun, Penyediaan dan Penyerahan Akaun-akaun, Laporan Tahunan, Laporan Juruaudit Dalam, Laporan Kemajuan Fizikal dan Kewangan Projek Pembangunan UNIMAS dan Pengawasan Anak Syarikat. LPU juga telah mengarahkan agar Tadbir Urus Anak Syarikat dikemas kini dan Pelan Perniagaan disediakan pada setiap tahun.

LPU juga terlibat dengan Belanjawan Mengurus dan Unjuran Belanjawan Pembangunan Tahun 2014, Anggaran Belanjawan Mengurus 2014, Pembukaan Akaun Enterprise di peringkat Pusat Tanggungjawab UNIMAS, Permohonan Kelulusan Untuk Menaikkan Yuran Pengajian Program Ijazah Sarjana Kejuruteraan (Sivil) Secara Kerja Kursus bagi pelajar tempatan dan antarabangsa untuk ditawarkan di Fakulti Kejuruteraan UNIMAS. LPU turut meluluskan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 2014 Garis Panduan Perbelanjaan Secara Berhemah Bagi Mengurangkan Perbelanjaan Awam.

Selain itu, LPU turut meluluskan cadangan pengemaskinian dan pelantikan ahli korum Jawatankuasa Rayuan Tata tertib Staf UNIMAS serta pelantikan Pegawai dari Kumpulan Pengurusan Tertinggi UNIMAS sebagai anggota ganti dalam Jawatankuasa Tata tertib Staf UNIMAS. Begitu juga dengan kelulusan cadangan pengemaskinian Polisi Pengurusan Harta Intelek dan Pengkomersilan, yang diusulkan oleh Pusat Pemindahan Teknologi dan Perundingan UNIMAS serta cadangan penubuhan Jawatankuasa Etika Haiwan Dan Polisi di UNIMAS.

Sepanjang tahun 2014 juga, beberapa dasar dan isu berkaitan perjawatan, pembangunan serta kewangan telah dapat diselesaikan hasil daripada kesepakatan kerjasama antara Lembaga Pengarah dan Eksekutif UNIMAS. Ini termasuklah dengan meluluskan cadangan Bahagian Keselamatan untuk menubuhkan Pasukan Polis Bantuan di UNIMAS, pemberian Elaun Peribadi kepada Tenaga Pengajar Muda UNIMAS, menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Jabatan Perkhidmatan Awam, pelantikan Pesara UNIMAS Secara Kontrak bagi Kumpulan Sokongan pada gred yang setara dengan jawatan akhir, pelantikan baharu secara kontrak Jawatan Profesor, meluluskan Pindaan Garis Panduan Dan Kriteria Kenaikan Pangkat pelbagai jawatan akademik UNIMAS, mewujudkan Jawatan Penolong Naib Canselor di UNIMAS serta pemberian imbuhan tahunan dan bayaran khas prestasi tahun 2013.

Dalam hal ehwal pembangunan kampus, LPU telah meluluskan isu yang melibatkan penggunaan Peruntukan Sumber Dalam untuk Pelaksanaan Projek Pembangunan, Pengurusan Fasilitas dan Projek Tambahan Tahun 2014. Pelawaan pengendalian dan pengurusan Blok A Kolej Dahlia secara *High Premium* dan *Premium* kepada UNIMAS Holdings Sdn Bhd. Selain itu, Unit Undang-Undang dan Keutuhan juga telah diluluskan untuk dinaik taraf ke Pejabat Penasihat Undang-Undang UNIMAS.

“Sepanjang tahun 2014 juga, beberapa dasar dan isu berkaitan perjawatan, pembangunan serta kewangan telah dapat diselesaikan hasil daripada kesepakatan kerjasama antara Lembaga Pengarah dan Eksekutif UNIMAS.”





Prestasi pencapaian KPI UNIMAS pada tahun 2014 juga adalah pada tahap yang tinggi dan sangat memuaskan. Pada tahun-tahun mendatang, penekanan akan diberikan khusus ke atas bidang tujahan (*niche area*) yang telah dikenal pasti.

Penandaarasan (*Benchmarking*) peranan LPU antara Universiti Awam dan Universiti Swasta juga dijalankan pada tahun 2014. Pelbagai aktiviti juga telah diadakan dan disertai oleh LPU antaranya Seminar Governan Untuk Pengerusi Dan Ahli Lembaga Pengarah Universiti/ Ahli Lembaga Gabenor Universiti di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 18 Januari 2014, Sumbangsaran LPU dan JKE UNIMAS 2014 juga telah diadakan di Damai Beach, Santubong pada 12 Februari 2014; Bengkel Pemantapan Pelan Strategik Pasca Pemberian Autonomi UNIMAS pada 12 dan 13 Jun 2014 di Damai Puri Resort dan Spa, Santubong; Taklimat Autonomi untuk UNIMAS oleh pihak JPT, KPM di Putrajaya pada 22 Julai 2014; Persidangan Kepimpinan dan Governan IPTA (Autonomi: Isu dan Cabaran) pada 26 dan 27 Ogos 2014 di Hotel Le Meridien, KL Sentral Kuala Lumpur; dan Sumbangsaran Penggubalan Pelan Strategik UNIMAS 2016-2020 pada 14 dan 15 November 2014 di Hotel Seri Simanggang, Sri Aman yang kesemuanya bertujuan untuk memastikan KPI UNIMAS tercapai dengan jayanya.

Secara keseluruhannya, Lembaga Pengarah UNIMAS akan terus memainkan peranan yang relevan dan signifikan dalam menaikkan nama universiti di rantau ini dan di peringkat antarabangsa. Seajar dengan hasrat berkenaan, ahli-ahli LPU perlu bersama-sama membantu Universiti untuk meneliti dan meluluskan setiap cadangan dengan sebaik mungkin bagi memastikan dasar dan perancangan yang bakal dilaksanakan seterusnya akan dapat menghasilkan keputusan yang terbaik untuk UNIMAS khasnya dan Kementerian Pendidikan Malaysia secara amnya.

Laporan

Naib Canselor





Tahun 2014 yang didasari iltizam **Menggalas Amanah Memacu Kegemilangan** telah melakarkan banyak hasil positif yang mewarnai kanvas kejayaan UNIMAS. Meneruskan dan mengekalkan kejayaan sedia ada bukanlah sesuatu perkara yang mudah. Namun, berkat kesungguhan yang jitu dan kerjasama padu dalam kalangan warga kampus, kejayaan UNIMAS terus ditempa sejajar dengan misi dan visi universiti.

Sejarah telah terukir dalam menyaksikan perantukan Tuan Yang Terutama Yang DiPertua Negeri Sarawak Tun Pehin Sri (Dr) Haji Abdul Taib Mahmud sebagai Canselor UNIMAS yang ketiga pada 27 Oktober 2014 dan Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri Datuk Amar (Dr) Haji Adenan Haji Satem sebagai Pro-Canselor UNIMAS pada 1 November 2014. Melalui perantukan kedua-dua tokoh utama Sarawak, kita yakin UNIMAS akan terus maju dan gemilang dalam pentas pendidikan.

Peristiwa musibah yang melanda negara dalam tahun 2014 turut dirasai oleh warga kampus. Prihatin ke atas mereka yang ditimpa dugaan dan bencana, UNIMAS telah melancarkan Tabung UNIMASku Sayang dengan dana awal berjumlah RM50 ribu di samping kutipan amal daripada warga kampus yang bertujuan untuk membantu mereka yang memerlukan. Usaha ini adalah komitmen tanggungjawab korporat sosial UNIMAS kepada masyarakat Malaysia.

Pemantapan Sistem Pentadbiran Universiti

Tadbir urus yang sistematik dan mampan menjadi tunjang dalam keberlangsungan dan kejayaan sesebuah institusi. UNIMAS terus komited dalam meneruskan agenda pelaksanaan Pelan Strategik UNIMAS. Pelbagai inisiatif pengukuhan dan pemerkasaan telah dilaksanakan sepanjang tahun 2014, sejajar dengan Fasa 2 Roadmap UNIMAS. Sesungguhnya usaha dan kerjasama dalam kalangan seluruh warga kampus telah banyak membuahkan hasil dalam memacu kegemilangan universiti ke arah menjadi sebuah universiti pilihan utama di rantau ini.

27 Oktober 2014

Pelantikan Tuan Yang Terutama Yang DiPertua Negeri Sarawak Tun Pehin Sri (Dr) Haji Abdul Taib Mahmud sebagai Canselor UNIMAS yang ketiga.

1 November 2014

Pelantikan YAB Datuk Patinggi Tan Sri Datuk Amar (Dr) Haji Adenan Haji Satem sebagai Pro-Canselor UNIMAS.



Tahun 2014 turut menyaksikan UNIMAS dianugerahkan status Universiti Autonomi oleh Kementerian Pendidikan Malaysia pada 22 April 2014, dan UNIMAS merupakan universiti kelapan yang menerima status ini. Penganugerahan ini telah disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Haji Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan Malaysia pada 16 Januari 2015 semasa perutusan Tahun Baharu KPM di Putrajaya. Dengan itu, UNIMAS mempunyai kuasa tertentu dalam pengurusan pentadbiran universiti yang melibatkan empat aspek penurunan kuasa iaitu:

- Sistem Governan Institusi
- Pengurusan Kewangan
- Pengurusan Sumber Manusia
- Governan Akademik

Penganugerahan ini turut memberi fleksibiliti kepada Universiti untuk merangka skim-skim perjawatan baharu. UNIMAS kini mempunyai opsyen menggubal prosedur operasi standard (SOP) kewangan bagi memastikan kecekapan dan keberkesanan proses yang menjurus kepada peningkatan produktiviti.

Kewujudan UNIMAS perlu dirasai oleh masyarakat setempat mahupun masyarakat luar serta pemegang taruh seperti pihak industri. Atas dasar tersebut, UNIMAS telah menubuhkan Pejabat

Penolong Naib Canselor (Keterlibatan Industri dan Komuniti) (AVC ICE) bagi meneraju program keterlibatan industri dan komuniti berdasarkan model *Quadruple helix (Government-Academia-Industry-Community)*. Pejabat ini disokong oleh dua Bahagian iaitu Bahagian Keterlibatan Industri dan Bahagian Transformasi Komuniti.

Akademik & Antarabangsa

Tahun 2014 turut mencatatkan kejayaan UNIMAS dianugerahkan SETARA Tier 5 Cemerlang oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dalam SETARA'13. Anugerah ini merupakan pengiktirafan yang telah sekian lama dihajati. Selain itu, Universiti juga telah berjaya menerima kelulusan dari Jabatan Pengajian Tinggi (JPT), KPM ke atas Semakan Kurikulum 24 Program Prasiswazah yang bersifat kontemporari, dan memenuhi kehendak pemegang taruh pada 23 Oktober 2014. Kurikulum baharu ini akan mula diguna pakai pada sesi akademik 2015/2016.

Sejajar dengan peredaran teknologi terkini, sistem penyampaian pengajaran dan pembelajaran juga perlu bergerak seiring dengan kemajuan ini. Justeru UNIMAS telah terlibat dalam projek perintis pembangunan *Massive Open Online Courses (MOOC)* melalui pembangunan kursus *ICT Competency*. Selain itu pembelajaran secara maya turut diaplikasikan dengan pembangunan *OpenCourseWare@UNIMAS* atau ringkasnya *OCW@UNIMAS* menerusi *Open Education Consortium* yang menjadi akses kepada 20 kursus





dari lapan (8) Fakulti dan satu (1) Pusat Pengajian.

Pada Majlis Konvokesyen UNIMAS ke-18 yang telah diadakan pada 1 hingga 3 November 2014, seramai 3015 graduan pra-siswazah dan 224 orang graduan siswazah telah menamatkan pengajian mereka. Majlis konvokesyen ke-18 ini turut menyaksikan penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Pembangunan Sumber Manusia kepada mantan Yang DiPertua Negeri Sarawak, Yang Amat Berbahagia Tun Datuk Patinggi Abang Haji Muhammad Salahuddin dan Ijazah Kehormat Doktor Seni Gunaan dan Kreatif kepada Yang Berbahagia AR Hijjas Kasturi.

Penyelidikan & Inovasi

Penyelidikan merupakan satu elemen penting dalam pembangunan sesebuah universiti yang banyak memberi impak berguna kepada negara. Pada tahun 2014, antara geran penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang telah diterima oleh UNIMAS untuk memangkin pertumbuhan program penyelidikan Universiti ialah Geran Penyelidikan KPM yang terdiri daripada Geran Penyelidikan FRGS berjumlah RM3,392,129.00, Geran Penyelidikan RAGS berjumlah RM465,145.00, Geran Penyelidikan RACE berjumlah RM842,478.50, Geran Penyelidikan PRGS berjumlah RM274,400.00 dan Geran Sanjungan Penyelidikan-KPM berjumlah RM118,469.00. Sementara itu, Universiti turut berbangga apabila dua penyelidik UNIMAS yang diiktiraf sebagai terbilang dalam geran penyelidikan FRGS mereka sebelum ini telah menerima Anugerah Penyelidikan Khas FRGS berjumlah RM400,000.00.

Setiap program penyelidikan akan dianggap berjaya menerusi perkongsian penemuan dan penghasilan produk disusuli dengan penerbitan. Sepanjang tahun 2014, warga akademik UNIMAS telah berjaya menerbitkan sebanyak 197 naskah makalah dalam jurnal berimpak pelbagai bidang.

UNIMAS pada tahun 2014 turut cemerlang melalui penyertaan dalam tiga ekspo penyelidikan yang menyaksikan 27 anugerah

telah dimenangi secara keseluruhan. Pada pameran peringkat kebangsaan di Malaysia Technology Expo (MTE) 2014 yang berlangsung di Kuala Lumpur, UNIMAS berjaya memperoleh 11 anugerah. Manakala di peringkat antarabangsa di British Invention Show (BIS) 2014, di London, England, penyelidik UNIMAS berjaya membawa pulang 11 Anugerah. Seterusnya di Seoul International Invention Fair (SIIF) 2014, UNIMAS telah berjaya merangkul lima anugerah.

Kelestarian Kewangan

Perancangan pelaksanaan sesuatu program dan sistem haruslah disusuli oleh strategi tadbir urus kewangan yang bersifat ekonomik, produktif dan kreatif. Justeru, strategi pengurusan kewangan secara lestari memerlukan sokongan segenap lapisan warga kerja untuk memahami dan menghayati pelaksanaannya. Pada tahun 2014, prestasi UNIMAS juga amat baik dalam aspek penjanaan pendapatan. Salah satu matlamat Pelan Strategik UNIMAS ialah mencapai 25% penjanaan pendapatan berbanding perbelanjaan operasi Universiti dan pada tahun 2014, universiti berjaya mencapai 19.21%.

"Setiap program penyelidikan akan dianggap berjaya menerusi perkongsian penemuan dan penghasilan produk disusuli dengan penerbitan. Sepanjang tahun 2014, warga akademik UNIMAS telah berjaya menerbitkan sebanyak 197 naskah makalah dalam jurnal berimpak pelbagai bidang."

UNIMAS telah menduduki tempat ke-6 dalam kalangan IPT tempatan dalam indeks akauntabiliti kewangan bagi tahun 2014. Kedudukan ini membuktikan kesungguhan dan kecekapan universiti dalam tadbir urus kewangan yang telus dan mantap. Salah satu pembaharuan kewangan yang diperkenalkan adalah pembentukan Akaun *Enterprise*, yang merupakan satu inisiatif yang memberi keluwesan kepada ahli akademik untuk mengurus kepakaran masing-masing di peringkat Pusat Tanggungjawab (PTj). Tahun 2014 juga menyaksikan proses pemerkasaan Akaun *Enterprise* dengan kerjasama UNIMAS Holdings Sdn Bhd telah berjaya dilaksanakan sepenuhnya dan telah mula beroperasi di semua Fakulti dan Pusat.

Pembangunan

Tahun 2014 melakarkan pelbagai kejayaan dari aspek pembangunan fizikal universiti. Tarikh 11 Februari 2014 menjadi satu lagi peristiwa penting apabila Pusat Islam Tun Abang Salahuddin (PITAS) telah dirasmikan. Dibina di kawasan seluas tujuh ekar, pembinaan PITAS yang mengambil inspirasi senibina Masjid Al Hambra Granada Sepanyol, menjadi satu mercu tanda dan struktur ikonik yang bakal menjadi sebuah hub pembangunan rohaniah warga kampus dan penduduk setempat. PITAS dengan kapasiti 4000 jemaah, turut dilengkapi dengan taska yang disediakan untuk anak-anak staf, dewan seminar dan syarahan serta pejabat pentadbiran.

Tahun 2014 turut menyaksikan semua fakulti berada di dalam satu kampus, apabila Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) serta Insitut Kesihatan dan Perubatan Komuniti (IKPK) telah mula beroperasi di bangunan baharu di Kota Samarahan. Untuk menampung keperluan penginapan pelajar yang sentiasa meningkat, Kolej Kediaman Dahlia juga telah mula dibuka untuk operasi. Kolej ini boleh menampung kapasiti pelajar seramai 1800 orang. Sebahagiannya diurus oleh UNIMAS Holdings Sdn Bhd yang mengendalikan perkhidmatan *hostel premier* di kampus.





Akademik





UNIMAS bertanggungjawab merealisasikan pendemokrasian pendidikan dengan menyediakan asas pengajaran dan pengajian tinggi secara menyeluruh. UNIMAS juga memastikan mutu dan kualiti amalan pengajaran dengan menganjur dan memantau perkembangan pengajaran dan pembelajaran secara inovatif dengan tujuan melengkapkan penuntutnya dengan ilmu yang mendalam dan signifikan serta kemahiran insaniah yang relevan.

Sejajar dengan kemajuan sosial dan pembangunan teknologi yang pesat, UNIMAS berhasrat melengkapkan keperluan para graduan dengan meneruskan pembelajaran sepanjang hayat yang berkualiti, serta meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan ketrampilan secara berterusan.

UNIMAS juga telah membuka peluang pengajian tinggi dengan menawarkan tempat melalui kemasukan Februari 2014 kepada seramai 47 orang pelajar prasiswazah (tempatan) dan 32 orang pelajar antarabangsa. Selain itu, terdapat juga seramai lima orang pelajar yang melalui program pertukaran universiti.

Peningkatan jumlah ini menjadikan populasi pelajar UNIMAS secara keseluruhan mencecah angka 14,274 orang, setakat Disember 2014.

Terdapat lapan (8) fakulti, dua (2) pusat dan lima (5) institut yang bertanggungjawab sepenuhnya dalam penawaran program-program akademik di UNIMAS yang melibatkan tiga (3) peringkat pengajian iaitu PraUniversiti, Prasiswazah dan Pascasiswazah.

UNIMAS berhasrat melengkapkan keperluan para graduan dengan meneruskan pembelajaran sepanjang hayat yang berkualiti, serta meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan ketrampilan secara berterusan.



PENGAMBILAN PELAJAR

PRAUNIVERSITI	707
PRASISWAZAH	
Tempatan	3,805
Antarabangsa	26
PASCASISWAZAH	
Sarjana secara Penyelidikan	122
Sarjana secara Kursus	166
Kedoktoran Falsafah	97
JUMLAH	5,203

“UNIMAS juga memastikan mutu dan kualiti amalan pengajaran dengan menganjur dan memantau perkembangan pengajaran dan pembelajaran secara inovatif dengan tujuan melengkapkan penuntutnya dengan ilmu yang mendalam dan signifikan serta kemahiran insaniah yang relevan.”



PROGRAM PENGAJIAN IJAZAH SARJANA MUDA UNIMAS

FAKULTI	NAMA IJAZAH/PROGRAM
FAKULTI SAINS SOSIAL	Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dengan Kepujian (Kajian Komunikasi)
	Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dengan Kepujian (Kajian Hubungan Industri dan Perburuhan)
	Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dengan Kepujian (Antropologi dan Sosiologi)
	Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dengan Kepujian (Kajian Antarabangsa)
	Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dengan Kepujian (Kajian Politik dan Pemerintahan)
	Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dengan Kepujian (Perancangan dan Pengurusan Pembangunan)
	Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dengan Kepujian (Kajian Khidmat Sosial)
FAKULTI SENI GUNAAN DAN KREATIF	Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (Muzik)
	Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (Drama dan Teater)
	Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (Seni Halus)
	Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (Teknologi Seni Reka)
	Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (Sinematografi)
	Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (Pengurusan Seni)
FAKULTI SAINS KOMPUTER DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT	Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer dengan Kepujian (Sains Komputan)
	Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer dengan Kepujian (Sistem Maklumat)
	Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer dengan Kepujian (Pengkomputeran Multimedia)
	Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer dengan Kepujian (Kejuruteraan Perisian)
	Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer dengan Kepujian (Pengkomputeran Rangkaian)
FAKULTI EKONOMI DAN PERNIAGAAN	Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dengan Kepujian (Ekonomi Perkhidmatan)
	Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian)
	Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dengan Kepujian (Ekonomi Perniagaan)
	Ijazah Sarjana Muda Kewangan dengan Kepujian
	Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dengan Kepujian (Ekonomi Antarabangsa)
	Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan dengan Kepujian (Pemasaran)
	Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan dengan Kepujian (Pengurusan Korporat)
	Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dengan Kepujian (Ekonomi Industri)

FAKULTI	NAMA IJAZAH/PROGRAM
FAKULTI KEJURUTERAAN	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dengan Kepujian (Kejuruteraan Sivil)
	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Dengan Kepujian) Kejuruteraan Kimia
	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dengan Kepujian (Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan)
	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) Kejuruteraan Elektronik (Telekomunikasi)
	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) Kejuruteraan Elektronik (Komputer)
	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) Kejuruteraan Elektrikal dan Elektronik
FAKULTI PERUBATAN DAN SAINS KESIHATAN	Doktor Perubatan
	Ijazah Sarjana Muda Kejururawatan dengan Kepujian
FAKULTI SAINS KOGNITIF DAN PEMBANGUNAN MANUSIA	Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Pembangunan Sumber Manusia)
	Ijazah Sarjana Muda Kaunseling dengan Kepujian
	Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Sains Kognitif)
FAKULTI SAINS DAN TEKNOLOGI SUMBER	Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Bioteknologi Sumber)
	Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Kimia Sumber)
	Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Sains dan Pengurusan Sumber Akuatik)
	Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Sains dan Pengurusan Sumber Tumbuhan)
	Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Sains dan Pengurusan Sumber Haiwan)
PUSAT PENGAJIAN BAHASA	Ijazah Sarjana Muda Sastera (Linguistik) dengan Kepujian

PROGRAM PENGAJIAN SISWAZAH DI UNIMAS

1. Sarjana Pengurusan Alam Sekitar - **FAKULTI SAINS SOSIAL**
2. Sarjana Sains Sosial - **FAKULTI SAINS SOSIAL**
3. Sarjana Sains Sosial - **INSTITUT PENGAJIAN ASIA TIMUR**
4. Sarjana Seni - **FAKULTI SENI GUNAAN DAN KREATIF**
5. Sarjana Seni - **INSTITUT REKABENTUK DAN INOVASI**
6. Sarjana Sastera - **PUSAT PENGAJIAN BAHASA**
7. Sarjana Teknologi Maklumat Lanjutan - **FAKULTI SAINS KOMPUTER DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT**
8. Sarjana Sains - **FAKULTI SAINS KOMPUTER DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT**
9. Sarjana Sains - **INSTITUT INFORMATIK SOSIAL DAN TEKNOLOGI INOVASI**
10. Sarjana Pentadbiran Perniagaan Korporat - **FAKULTI EKONOMI DAN PERNIAGAAN**
11. Sarjana Sains - **FAKULTI EKONOMI DAN PERNIAGAAN**
12. Sarjana Kejuruteraan - **FAKULTI KEJURUTERAAN**
13. Sarjana Kejuruteraan Sivil - **FAKULTI KEJURUTERAAN**
14. Sarjana Sains - **FAKULTI PERUBATAN DAN SAINS KESIHATAN**
15. Sarjana Sains - **INSTITUT KESIHATAN DAN PERUBATAN KOMUNITI**
16. Sarjana Kesihatan Awam - **FAKULTI PERUBATAN DAN SAINS KESIHATAN**
17. Sarjana Sains (Pembangunan Sumber Manusia) - **FAKULTI SAINS KOGNITIF DAN PEMBANGUNAN MANUSIA**
18. Sarjana Sains (Sains Pembelajaran) - **FAKULTI SAINS KOGNITIF DAN PEMBANGUNAN MANUSIA**
19. Sarjana Sains - **FAKULTI SAINS KOGNITIF DAN PEMBANGUNAN MANUSIA**
20. Sarjana Sains Sekitaran - **FAKULTI SAINS DAN TEKNOLOGI SUMBER**
21. Sarjana Sains - **FAKULTI SAINS DAN TEKNOLOGI SUMBER**
22. Sarjana Sains - **INSTITUT KEPELBAGAIAN BIOLOGI DAN PEMULIHARAAN ALAM SEKITAR**
23. Doktor Falsafah - **FAKULTI SAINS SOSIAL**
24. Doktor Falsafah - **INSTITUT PENGAJIAN ASIA TIMUR**
25. Doktor Falsafah - **FAKULTI SENI GUNAAN DAN KREATIF**
26. Doktor Falsafah - **INSTITUT REKABENTUK DAN INOVASI**
27. Doktor Falsafah - **PUSAT PENGAJIAN BAHASA**
28. Doktor Falsafah - **FAKULTI SAINS KOMPUTER DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT**
29. Doktor Falsafah - **INSTITUT INFORMATIK SOSIAL DAN TEKNOLOGI INOVASI**
30. Doktor Falsafah - **FAKULTI EKONOMI DAN PERNIAGAAN**
31. Doktor Falsafah - **FAKULTI KEJURUTERAAN**
32. Doktor Falsafah - **FAKULTI PERUBATAN DAN SAINS KESIHATAN**
33. Doktor Falsafah - **INSTITUT KESIHATAN DAN PERUBATAN KOMUNITI**
34. Doktor Kesihatan Awam - **FAKULTI PERUBATAN DAN SAINS KESIHATAN**
35. Doktor Falsafah - **FAKULTI SAINS KOGNITIF DAN PEMBANGUNAN MANUSIA**
36. Doktor Falsafah - **FAKULTI SAINS DAN TEKNOLOGI SUMBER**
37. Doktor Falsafah - **INSTITUT KEPELBAGAIAN BIOLOGI DAN PEMULIHARAAN ALAM SEKITAR**

SOKONGAN PEMBANGUNAN AKADEMIK

Pusat Pembelajaran Gunaan dan Multimedia (PPGM) telah diamanahkan untuk menerajui dan mentadbir pelbagai aktiviti berkaitan pengajaran dan pembelajaran (P&P) di UNIMAS. PPGM berperanan dalam menyelaras dan mentadbir urus aktiviti P&P secara maya atau atas talian, pengurusan dan penjadualan ruang kuliah dan peperiksaan untuk Universiti, pengurusan dan pengendalian teknologi P&P terkini, pentadbiran pengurusan kurikulum program akademik dan pembangunan staf akademik. Pusat ini adalah di bawah tanggungjawab pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa).

Unit Latihan Akademik sejajar dengan fungsinya mereka bentuk dan mengimplementasi kursus jangka pendek untuk staf akademik UNIMAS telah berjaya menganjurkan 71 latihan P&P berkaitan termasuk *e-learning*, penilaian atas talian, strategi pengajaran, penerbitan buku dan sebagainya melibatkan secara keseluruhan 2867 orang peserta. Selain kursus jangka pendek, sebanyak 39 orang staf akademik telah dibiayai untuk menyertai latihan luar kampus. Manakala dalam memperkasakan kepimpinan IPT, 30 orang staf akademik telah dihantar bagi menghadiri siri latihan anjuran Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT). Peserta ini akan layak menjadi jurulatih utama setelah tamat dan melengkapkan tiga peringkat kursus yang disediakan oleh AKEPT. Kursus wajib tahunan bagi staf akademik lantikan baharu iaitu Bengkel Penghayatan Visi dan Misi UNIMAS pula telah diadakan pada 13-15 Mac 2014 melibatkan 66 orang pensyarah baharu.

Sebanyak lapan siri bengkel penyelidikan turut diadakan bagi membantu para penyelidik UNIMAS menggiatkan lagi aktiviti penyelidikan. Tujuan utama bengkel adalah untuk membimbing penyelidik muda untuk membangunkan perkembangan kerjaya dalam penyelidikan. Melalui beberapa siri bengkel, penyelidik didedahkan dengan teknik menulis cadangan penyelidikan yang baik dan pelbagai kaedah penyelidikan serta menganalisis data dengan menghasilkan laporan dan pembentangan yang berkualiti dengan kemudahan komputer/ICT. Penyelidik juga berkesempatan berjumpa dan berkongsi pengalaman dengan felo penyelidik dan juga rakan penyelidik daripada pelbagai bidang.

BENGKEL PENAMBAHBAIKAN PENYELIDIKAN

Bil	Nama Latihan	Tarikh	Tempat	Penceramah
1	<i>Grant Application Workshop</i>	12 Feb	Dewan Delima, Aras G, BHEP	Prof Madya Dr Edmund Sim Ui Hang
2	<i>Mind Your Own (Academic) Business</i>	27 Mac	Dewan Delima, Aras G, BHEP	Prof Dr Narayanan Kulathuramaiyer
3	<i>Essentials of Inferential Statistical Analyses in Social Sciences using SPSS</i>	23 April	General Lab 2, Aras LG, Block B, Bangunan FSKTM	Prof Dr Hong Kian Sam
4	<i>Computer Aided Qualitative Data Analysis</i>	20 Mei	General Lab 2, Aras LG, Block B, Bangunan FSKTM	Prof Madya Dr Chang Kam Hock
5	<i>How To Publish in High Impact International Journals</i>	17 Jun	Bilik Serindit, DeTAR PUTRA	Prof Dr Roger W. Harris
6	<i>Modelling and Forecasting In Research</i>	4 Sept	Makmal Komp. 5, Aras 1, FEB	Prof Madya Dr Evan Lau Poh Hock
7	<i>Survey Data Analysis Structural Equation Modelling</i>	16 & 17 Okt.	Makmal Komp. 5, Aras 1, FEB	Prof T. Ramayah
8	<i>Research Grant Application Workshop</i>	9 Dis	Bilik Pascasiswazah, Tkt 1, PITAS	Prof Madya Dr David Perera

Anugerah Penyelidikan

Pada tahun 2014, UNIMAS telah cemerlang dalam tiga ekspo penyelidikan yang disertai dengan 27 anugerah telah dimenangi secara keseluruhan. Pada pameran peringkat kebangsaan, MTE2014 yang diadakan pada 20 hingga 22 Februari, 2014 UNIMAS telah memperoleh 11 anugerah merangkumi satu Anugerah Khas, tiga pingat Emas, tiga pingat Perak, dan empat pingat Gangsa.

UNIMAS turut menyertai dua ekspo peringkat antarabangsa pada tahun 2014 iaitu *British Invention Show (BIS) 2014*, di London, England pada 22 hingga 25 Oktober, 2014. Para penyelidik UNIMAS telah berjaya membawa pulang satu Anugerah Khas, satu pingat Berlian, lima pingat Emas, empat pingat Gangsa. Pada penyertaan di *Seoul International Invention Fair (SIIF) 2014* pada 27 hingga 30 November 2014 pula, UNIMAS telah berjaya memenangi dua Pingat Emas, dua Pingat Perak dan satu Pingat Gangsa.



Pembangunan Pelajar &
Alumni





Hal Ehwal Pelajar di UNIMAS merupakan salah satu segmen penting dalam pengurusan universiti, kerana pelajar universiti ini adalah klien utama perkhidmatan pendidikan yang ditawarkan. UNIMAS prihatin akan keperluan untuk membina perwatakan yang dihormati dan disegani dalam kalangan pelajar demi penjaan graduan cemerlang yang akan menyumbang kepada pembangunan nusa dan bangsa pada masa hadapan. Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni berperanan untuk menumpukan usaha ke arah pembangunan sahsiah pelajar dan melahirkan graduan yang berketrampilan, berilmu pengetahuan dan berdaya saing dalam pasaran kerja selain untuk melahirkan seorang mahasiswa yang bersifat holistik dan pemimpin yang serba boleh pada masa hadapan. Ini dicapai melalui pelaksanaan pelbagai aktiviti serta penawaran modul kemahiran insaniah, kerohanian dan juga pembudayaan keusahawanan dalam kalangan para pelajar.

Terdapat dua pusat utama yang menjalankan amanah merancang, melaksana dan memantau aktiviti yang melibatkan hal ehwal pelajar dan alumni, iaitu Pusat Khidmat Pelajar (PKP) dan Pusat Pemajuan Pelajar (PPP). PPP menjurus kepada pembangunan pelajar dari segi sokongan akademik manakala PKP memfokus kepada aktiviti ko-kurikulum.

PUSAT KHIDMAT PELAJAR

Pusat Khidmat Pelajar menfokus kepada usaha dan inisiatif ke arah penglibatan pelajar dalam aktiviti ko-kurikulum. Untuk tujuan ini, PKP menyediakan sembilan saluran untuk mendokong perkhidmatan yang diberikan, iaitu:

- Unit Pentadbiran dan Penajaan;
- Unit Tatatertib dan Disiplin Pelajar;
- Unit Kegiatan Pelajar;
- Unit Perhubungan Alumni dan Komuniti;
- Unit Penginapan Pelajar;
- Unit Kebudayaan dan Kesenian;
- Unit Kaunseling dan Kebajikan Pelajar;
- Pusat Sukan UNIMAS; dan
- Pusat Kesihatan UNIMAS



Pada tahun 2014 juga, PKP telah berjaya mengekalkan pensijilan MS ISO 9001:2008 untuk skop Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Pendaftaran Kolej Pelajar Baharu Prasiswazah setelah melalui proses pengauditan oleh SIRIM QAS pada bulan Julai 2014.

Sepanjang 2014, sebanyak 160 aktiviti telah dijalankan oleh pelajar menerusi PKP. Aktiviti-aktiviti pelajar ini meliputi pelbagai aspek seperti kerohanian, kebudayaan, kepimpinan, kesihatan dan sebagainya. Antara pencapaian yang membanggakan adalah seperti berikut:

- Kor Siswa-Siswi Pertahanan Awam (Kor SISPA) UNIMAS yang baharu ditubuhkan kurang setahun telah mencatat kenangan manis apabila menjuarai Pertandingan Kawad Kaki serta tempat ke-4 keseluruhan sempena Perhimpunan Pertauliah KOR SISPA kali ke-4 yang berlangsung di UKM Bangi pada 16-19 Ogos 2014. Penyertaan ini merupakan pembabitan sulung Kor SISPA UNIMAS dalam pertandingan di peringkat Kebangsaan.
- Seramai enam (6) orang pelajar UNIMAS telah terpilih menyertai misi sukarelawan di Vietnam dan Laos. Manakala 6 orang pelajar pula telah terpilih mengikuti misi di Santubong, Maludam dan Kapit, Sarawak. Misi-misi sukarelawan ini telah dianjurkan oleh Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) dan peserta dipilih daripada kalangan pelajar yang mempunyai ketrampilan dan kepimpinan. Para peserta telah ditempatkan selama seminggu bersama keluarga angkat serta menjalankan aktiviti-aktiviti khidmat komuniti seperti menganjurkan kelas tuisyen, membina jalan kampung, membaik pulih bangunan dan lain-lain kerja komuniti.
- Buat pertama kali, PKP menerusi Unit Kebudayaan dan Kesenian telah berjaya menganjurkan Program 3 Sanggar yang merupakan persembahan kebudayaan melibatkan tiga institusi pengajian tinggi iaitu UNIMAS, UiTM Sarawak dan Universitas Tanjung Pura, Pontianak, Kalimantan Barat pada 14-17 Mac 2014. Program seumpama ini telah merapatkan lagi hubungan UNIMAS dengan IPT setempat juga antarabangsa.
- Penganjuran Majlis Anugerah Pelajar UNIMAS (MAPU) 2014 merupakan MAPU yang terbaik setakat ini. Dengan dihadiri oleh YB Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof, Menteri Kerja Raya merangkap Menteri Mentor UNIMAS dan bertemakan Kesultanan Melayu Melaka, MAPU 2014 berjaya mengetengahkan bakat serta kreativiti pelajar dalam pengurusan majlis.

- Penganjuran aktiviti Festival Konvokesyen 2014 telah berjalan dengan jayanya seperti tahun-tahun sebelumnya. Tahun 2014 menyaksikan penganjuran yang diisi dengan aktiviti-aktiviti berunsur ilmiah dan kerohanian. Pertandingan Perarakan Citrawarna UNIMAS menjadi acara utama yang telah mendapat liputan pelbagai media saban tahun.
- PKP telah menjadi urusetia bagi Konsert *The Magic of Asean* yang dianjurkan bersama Istana Budaya pada 30 November 2014. Selain itu, PKP juga telah dilantik selaku penyelaras persembahan Majlis Anugerah Gemilang UNIMAS (MAGU) 2014.
- Seminar Pengurusan Asrama dan Kolej Kediaman (SPARK) peringkat IPTA Malaysia 2014 telah berjalan dengan jayanya di Hotel Merdeka Palace & Suites, Kuching pada bulan Jun 2014. PKP merupakan urusetia bagi seminar tersebut. Seramai lebih kurang 300 orang peserta dari seluruh negeri telah mengambil bahagian dalam SPARK 2014.
- Dalam bidang sukan pula, pasukan Bola Keranjang Lelaki UNIMAS telah berjaya mendapat pingat emas di Kejohanan MASUM yang telah diadakan di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) pada bulan November 2014. Tidak ketinggalan, kejayaan Saudari Yong Mun Yi dari Fakulti Sains Sosial (FSS) mendapat pingat emas pada *Taekwondo Tournament 2014* di Jogjakarta, Indonesia pada 8-9 Oktober 2014 turut melakar kenangan manis buat UNIMAS.



- Aktiviti tahunan pelajar yang telah menjadi kelaziman saban tahun telah berjaya dijalankan di bawah Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UNIMAS Sesi 2013/2014. Aktiviti-aktiviti seperti Sambutan Perayaan Tahun Baru Cina, Pesta Ponggal, Minggu Penghayatan Islam, Kejohanan Olahraga Antara Kolej Kediaman UNIMAS, Festival Sukan Air Inter-Kolej, Pesta Tanglung dan pelbagai lagi dilihat menjadi wadah dalam menyatupadukan pelajar yang berasal daripada pelbagai latar belakang.

PKP turut mengambil pendekatan membentuk personaliti unggul pelajar melalui program bimbingan dan kaunseling. Sebanyak 453 sesi kaunseling termasuk kaunseling individu dan kaunseling kelompok yang dikendalikan sepanjang tahun 2014 oleh Unit Kaunseling dan Kebajikan Pelajar. Jumlah sesi ini meningkat berbanding tahun sebelum dan peningkatan ini adalah disebabkan oleh tahap kesedaran dan kesediaan pelajar untuk membangun dan membentuk sahsiah diri pelajar.

Di samping itu, program-program motivasi dan bimbingan kepada pelajar UNIMAS mahupun komuniti luar turut dijalankan sepanjang 2014 antaranya; Program I-CAMP (Insan, Inspirasi dan Impian) Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat (FSKTM) 2014, Program *Motivational Talk* bersama pelajar Fakulti Kejuruteraan, Program Motivasi Pelajar Tahun 6 SK Wira Jaya – “Selangkah Menuju Kejayaan”, Program Kepimpinan Pengawas SMK ST Thomas 2014, Program Jejak Menara Gading SMK Matang Hilir dan Program *Oh My School* 2014 iaitu program motivasi kepada pelajar tahun enam dari 13 buah sekolah rendah di Sarawak. Sepanjang 2014, sebanyak 16 program bimbingan dan kaunseling telah dijalankan bersama komuniti luar terutamanya pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah.

Kebajikan pelajar adalah antara fokus utama urusan Pusat Khidmat Pelajar universiti ini. Pada tahun 2014, seramai 770 orang pelajar telah menerima Bantuan Kewangan Pelajar UNIMAS. Sumbangan diberikan atas sebab musibah, khairat kematian dan sebagainya. Sumber sumbangan adalah daripada Tabung Kebajikan Pelajar, bantuan zakat Negeri Selangor dan Bank Islam serta Skim Bantuan Yayasan Tunku Abdul Rahman.

Untuk 2014, aktiviti yang melibatkan Alumni UNIMAS telah digerakkan menerusi Jawatankuasa Perhubungan Alumni yang terdapat di fakulti-fakulti UNIMAS. Pelbagai aktiviti berbentuk khidmat komuniti telah dijalankan seperti *Community Health Project* dan beberapa aktiviti kesihatan yang telah dijalankan Fakulti Perubatan & Sains Kesihatan (FPSK) disertai beberapa orang Alumni UNIMAS. Tidak



ketinggalan juga aktiviti berbentuk bimbingan seperti Kem Tegas Diri dan Motivasi SPM 2014 yang telah dijalankan di SMK Sebuyau, Simunan yang turut melibatkan beberapa Alumni dari Fakulti Sains Kognitif & Pembangunan Manusia (FSKPM). Perkongsian pengalaman dan pengetahuan oleh Alumni UNIMAS bersama pelajar-pelajar baharu turut dijalankan semasa Minggu Aluan Pelajar (MAP) ambilan September 2014.

Untuk memantapkan hubungan Alumni UNIMAS, pelbagai gerak kerja dirancang untuk mempertingkatkan penglibatan alumni dalam pelbagai aktiviti dan juga program Universiti. Oleh itu, menjadi harapan universiti agar alumninya akan terus berbakti dan mengharumkan nama Universiti walaupun telah lama meninggalkan alam kampus dan mara ke hadapan untuk melangkah ke alam pekerjaan.

PUSAT PEMAJUAN PELAJAR

Pada tahun 2014, Pusat Pemajuan Pelajar telah melaksanakan penstrukturan semula unit-unit di bawahnya. Hal ini bertujuan untuk memantapkan lagi struktur organisasi sedia ada demi menyokong perkhidmatan yang ditawarkan kepada para pelajar secara lebih efisien dan sekaligus mencapai kepuasan pelanggan.

Setelah penstrukturan semula, terdapat enam (6) unit dipertanggungjawabkan dengan peranan dan fungsi masing-masing iaitu :-

- Unit Pentadbiran Am dan Perolehan
- Unit Kokurikulum Berkredit
- Unit Pengajian Umum dan Hubungan Sosial
- Unit Pembangunan Insan
- Unit Pembangunan Keusahawanan
- Unit Kerjaya dan Kebolehpasaran Graduan

Graduan adalah produk utama UNIMAS. Atas kesedaran ini, mandat telah diberikan kepada Pusat Pemajuan Pelajar untuk menumpukan kepada aspek pembangunan sahsiah pelajar dan melahirkan graduan yang berketrampilan, berilmu pengetahuan dan berdaya saing dalam pasaran kerja di samping mempunyai sifat holistik kepemimpinan yang serba boleh serta agen perubahan dan transformasi negara.

Untuk memantapkan lagi fungsi dan peranan Pusat Pemajuan Pelajar dan setelah diluluskan oleh Jawatankuasa Mesyuarat Pengurusan PPP Bil. 1/2014 bertarikh 10 Januari 2014, pada 1 Ogos 2014 Unit Kerjaya dan Kebolehpasaran Graduan telah diwujudkan bersama pelantikan seorang Penyelaras dalam kalangan pegawai akademik universiti. Unit ini memainkan peranan membentuk bakal graduan universiti yang berkualiti, kompetitif dan berdaya saing di

pasaran kerja nanti. Hal ini mampu dicapai melalui mekanisme pelaksanaan aktiviti/program pelajar menerusi penganjuran *career fair* bersama pihak industri luar, ceramah kerjaya, seminar, bengkel, sesi temuduga terbuka dan sebagainya.

Manakala Unit Kokurikulum Berkredit melalui Kursus Kokurikulum Berkredit telah menawarkan sebanyak lapan puluh lima (85) subteras di bawah 7 Teras utama iaitu Teras Keusahawanan, Teras Kepimpinan, Teras Khidmat Komuniti, Teras Kesukarelawanan, Teras Sukan, Teras Kebudayaan dan Teras Daya Usaha & Inovasi. Seramai lebih kurang 3500 orang pelajar telah mengambil kursus ini dan telah melaksanakan projek khas mengikut subteras atau kumpulan masing-masing. Konsep *University-Community Engagement* (UCE) telah diserap dalam projek khas ini dan penglibatan komuniti luar adalah dari sekitar Bandaraya Kuching, Kota Samarahan, Serian dan juga Sri Aman. Kursus ini menekankan pembangunan kemahiran insaniah pelajar melalui bidang atau teras tertentu yang dilihat dapat membantu melahirkan graduan yang matang dari segi perhubungan dengan masyarakat sekeliling dalam memartabatkan graduan UNIMAS. Selain itu, kemahiran insaniah juga amat penting dalam usaha meningkatkan kebolehpasaran graduan serta sebagai persediaan pelajar menghadapi dunia luar terutamanya dunia pekerjaan.



Sepanjang tahun 2014, Pusat Pemajuan Pelajar telah melaksanakan pelbagai aktiviti yang memberi penekanan kepada pembangunan modal insan pelajar dengan penerapan nilai-nilai murni untuk menjadikan pelajar individu profesional yang menepati ciri-ciri employability dan marketability. Antara aktiviti yang dijalankan adalah seperti berikut:

1

Kemahiran Berkomunikasi

- CV Workshop – bersama Dr Rizal Abu Bakar pada 3 Disember 2014 di Bilik Seminar, CTF1
- CV Workshop for FSTS pada 29 Oktober 2014 di Bilik Softskills, PPP, UNIMAS.
- Career Talk – Sime Darby pada 29 Oktober 2014 di Bilik Softskills, PPP, UNIMAS.
- CV Workshop – bersama Puan Ross Azura Binti Zahit pada 26 November 2014 di Bilik Softskills, PPP, UNIMAS.

2

Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah

- Program Art With Heart pada 26 April 2014 di SMK Serian, Sarawak
- Program Kebajikan Fotografi pada 26 April 2014 di SMK Penrissen No. 1
- Program Perintis Kreativiti Muda Bersama UNIMAS pada 26 hingga 27 April 2014 di SK Gita No. 2, Kuching, Sarawak
- Innovation, Career & Education Fair 2014 (ICE2014) pada 9 hingga 11 Disember 2014 di DeTAR Putra, UNIMAS.
- Program Fotografi Mewarnai Budaya Masyarakat pada 10 hingga 11 Mei 2014 di Kampung Empila, Samarahan
- Project Motion di SMK Penrissen No. 1 pada 10 Mei 2014 di SMK Penrissen No. 12
- Program Kebajikan Melalui Fotografi pada 22 November 2014 di Lion's Nursing Home
- Program Photography : Tips & Tricks pada 13 Disember 2014 di UNIMAS
- Bengkel Kerja Untuk Produksi Filem Pendek pada 17 Mei 2014 di SMK St. Thomas Kuching
- Program Aura Seni pada 29 November 2014 di Kampung Bunan Gear, Serian

3

Kemahiran Berpasukan

- Program Learn & Bowl pada 10 Mei 2014 di UNIMAS Bowling Centre
- Klinik Ping Pong pada 10 Mei 2014 di Kompleks Sukan UNIMAS
- Program Mari Bersukan Orang Kampung pada 10 hingga 11 Mei 2014 di Kampung Segedup, Batu Kawa, Kuching
- Program Hari Keluarga G68 bersama KRT KPJ pada 29 hingga 30 November 2014 di Kpg Sepinggan Jaya, Seberang Pending, Kuching
- Program Siswa Awam Ke Pantai Damai pada 6 Disember 2014 di Pantai Damai, Santubong, Kuching.
- UNIMAS Rowing Double Scull Challenge 2014 pada 24 Mei 2014 di Pavillion Student & Tasik UNIMAS
- Pertandingan Terbuka UNIMAS 2014 pada 24 Mei 2014 di Arena Sukan Simpang Tiga, Kuching
- UNIMAS Rowing Challenge 2014 pada 25 Mei 2014 di Pavillion Student & Tasik UNIMAS
- UNIMAS Sepak Takraw Championship 2014 pada 25 Mei 2014 di Kompleks Sukan UNIMAS
- Program Tangkap & Jaring pada 9 November 2014 di SK Wira Jaya, Kuching
- Pertandingan Badminton UNIMAS Jemputan pada 15 hingga 16 November 2014 di Dewan Badminton, UNIMAS
- Kategori Bergu Lelaki & Bergu Campuran pada 15 hingga 16 November 2014 di Dewan Badminton, UNIMAS
- Khidmat Komuniti Taekwondo pada 15 & 22 November 2014 di AADK Negeri Sarawak, Bangunan Baitulmal, Kuching
- Program Strike The Goal pada 22 November 2014 di CTF 2 UNIMAS
- Kejohanan Futsal Jemputan KO-Q UNIMAS pada 22 hingga 23 November 2014 di Pusat Sukan UNIMAS
- Klinik Badminton pada 22 November 2014 di Gelanggang Badminton UNIMAS
- Berkayak bersama Salvation Army pada 6 Disember 2014 di Kuching
- Program bersama pelajar SMK Teknik Sejingkat, Kuching pada 22 November 2014 di Kuching
- Klinik Ping Pong pada 23 November 2014 di Kampung Pinggan Jaya, Seberang Pending, Kuching
- UNIMAS Handball League pada 17 hingga 18 Mei 2014 di Kompleks Sukan UNIMAS
- Kejohanan Futsal Jemputan KO-Q UNIMAS Sesi Ke 2 2013/14 pada 17 hingga 18 Mei 2014 di Pusat Sukan UNIMAS

- Program Klinik Tennis UNIMAS pada 3 Mei 2014 di Gelanggang Tennis, Kampus Barat UNIMAS
- Program Taekwondo pada 10 Mei 2014 di Salvation Army Boys Home, Kuching
- Klinik Badminton 2 pada 17 Mei 2014 di SMK Penrissen No 1, Kuching
- Program I Believe I Can Fly pada 27 September 2014 di CTF 2 UNIMAS
- Program I Believe I Can Fly pada 10 hingga 12 Oktober 2014 di Rock View Agrotek, Lundu, Sarawak

4

Pembelajaran Berterusan Pengurusan Maklumat

- Program Memaksima Kebolehpasaran Siswa pada 26 hingga 28 April 2014 dan 3 hingga 5 Mei 2014 di Pusat Islam, UNIMAS dan DeTAR Putra, UNIMAS.
- Program Kek dan Pastri pada 10 Mei 2014 di Kolej Abdillah, Petra Jaya, Kuching
- Program Happy, Steady & Ready for Literacy pada 3 hingga 4 Mei 2014 di Pusat Dyslexia, Kuching
- Program Sehari Bersama Menangani Stres pada 17 Mei 2014 di UNIMAS
- Program Asas Penampilan Diri pada 17 Mei 2014 di SMK Santubong, Kuching
- Program Malaysian Cinema : Its Past, Present And Future And You And Me pada 24 hingga 25 April 2014 dan 10 Mei 2014 di UNIMAS
- Program A Bouquet of Cares pada 16 November 2014 di SK Rangawan Putin, Kampung Asajaya
- Program Kemahiran Membuat & Deco Kek pada 22 November 2014 di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Kota Samarahan
- Bakti Siswa Melalui Gambar pada 18 Mei 2014 di Waterfront Kuching
- Penawaran kursus SSX0012 Hubungan Etnik (HE) dengan pengambilan pelajar seramai 4,643 orang pada Semester 2 2014/2015.
- Penawaran kursus SSX0022 Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) dengan pengambilan pelajar seramai 930 orang.

5

Kemahiran Keusahawanan

- Kursus Asas Keusahawanan SISWA (KAKS) Siri 1/2014 pada 20-25 Januari 2014 di One Hotel Santubong, Kuching
- Program Siswaniaga – Gerai di Student Pavillion Siri 1/2014 pada Februari 2014 hingga Februari 2015 di Student Pavillion, UNIMAS
- Bazar Mini Niaga Kelab MYAGROSIS UNIMAS dan Kelab Keusahawanan Siswa UNIMAS (KeSISMA) pada 5 hingga 7 Mac 2014 di Ruang Legar BHEPA UNIMAS
- Program Siswaniaga – Kiosk Siri 1/2014 pada Mac 2014 hingga Mei 2014 di sekitar UNIMAS
- Sesi Ujian Sistem Pangkalan Data Keusahawanan Bersama UniMAP pada 4 Julai 2014 di CTF 1 UNIMAS
- Program Francais Kiosk Bersama Masyarakat & Program Anak Angkat pada 25 hingga 27 April 2014 di RH Abil, Tinting Lalang, Lubok Antu, Sri Aman
- Forum Usahawan & Bengkel Bisnes Atas Talian pada 10 & 17 Mei 2014 di Makmal Komputer FSKTM, CTF 1 & Bilik Kuliah UNIMAS
- Program Rookie Bakery's Entrepreneurship pada 29 November 2014 di Waterfront, Kuching & Pertubuhan Anak2 Yatim Negeri Sarawak
- Aktiviti Jualan pada Minggu Aluan Pelajar oleh Kelab Keusahawanan Siswa UNIMAS (KeSISMA) pada 1 hingga 7 September 2014 di DeTAR Putra dan Kolej Sakura UNIMAS
- Program Road To MAHA 2014 anjuran Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Negeri Sarawak pada 19 September 2014 di Perkarangan Medan Niaga Satok Kuching
- Program Siswaniaga – Kiosk Siri 2/2014 bermula September hingga Disember 2014 di sekitar UNIMAS
- Kursus Keusahawanan Siswa (KAKS) Siri 1/2014/2015 pada 18 hingga 23 Oktober 2014 di Dewan Kristal UNIMAS dan The Regency Rajah Court Hotel, Kuching
- Program Siswaniaga – Gerai di Student Pavillion Siri 1/2014 bermula Oktober 2014 hingga Oktober 2015 di Student Pavillion UNIMAS
- Program Youth & Future pada 25 hingga 27 April 2014 di SMK Lundu
- Program Bersepadu Kebolehpasaran Pekerjaan – Mengenal Peta Personaliti, Psikologi Kemahiran Diri pada 26 hingga 28 Mei 2014 dan 23 Ogos hingga 6 September 2014 di Hotel Merdeka Palace, One Hotel Santubong dan Pusat Islam, UNIMAS.

- Program Habit Cross pada 25 hingga 26 April 2014 di SMK Santubong, Kuching
- Program Seerat Kasih Terlerai Budi pada 26 April 2014 di Yayasan Kemajuan Insan Sarawak (YAKIN), Taman Putri Samariang
- Program UNIMASku Sayang pada 26 April 2014 di SRK Lubang Batu Sarawak
- Program Give Earth a Chance pada 9 November 2014 di SMK Bako, Kuching
- Program Lawatan Bakti Bersamamu Ke Kampung Buntal pada 28 hingga 30 November 2014 di Kampung Buntal, Santubong, Kuching
- Program UNIMAS Cares pada 29 hingga 30 November 2014 di Taman Negara Gunung Gading, Lundu
- Program Sejenak Bersama Selamanya Terasa pada 29 hingga 30 November 2014 di Kpg. Bumbok, Bau
- Program Sejuta Sayang pada 29 hingga 30 November 2014 di Kampung Muara Tuang, Samarahan
- Bakti Siswa 1 Komuniti Lestari pada 28 hingga 30 November 2014 di Kampung Buntal, Kuching
- Bakti Siswa 2 Komuniti Lestari pada 28 hingga 30 November 2014 di Kampung Buntal, Kuching
- Program Kembara Intelektual pada 10 hingga 11 Mei 2014 di Gunung Santubong, Damai Central, Kampung Buntal
- Program Aspirasi Jalinan Kasih Bersama Komuniti Penduduk Kampung Melayu Tebekang, Serian pada 10 Mei 2014 di Kampung Melayu Tebekang, Serian
- Program Penyatuan Masyarakat Membentuk Generasi Berilmu pada 10 Mei 2014 di Kampung Pulo Hilir, Petra Jaya
- Program Kembara Kasih pada 3 Mei 2014 di Persatuan Kanak-Kanak Terencat Akal
- Program Setasik Kasih UNIMAS pada 3 Mei 2014 di Tasik UNIMAS
- Program We Come We Serve pada 3 Mei 2014 di Rumah Kanak-kanak Kuching, KM 15
- Program Mukhayyam Mahabbah ke Segubang, Jl Skio Bau pada 10 hingga 11 Mei 2014 di Bau
- Program Sukarelawan SAHABAT pada 10 hingga 11 Mei 2014 di Kampung Selang Ulu, Jln Telaga Air, Kuching
- Program We are One Family pada 16 November 2014 di SK Mata Parang, Kota Samarahan
- Program Reach Out and Shine Like A Star pada 5 hingga 9 November 2014 di SK Rakyat Tupong (5 Nov 2014) Gunung Santubong (9 Nov 2014)
- Bakti Siswa Komuniti Lestari pada 28 hingga 30 November 2014 di Kampung Buntal & Gunung Santubong
- Program Khidmat Komuniti Remaja Sihat pada 8 November 2014 di Kampung Pasir Pandak, Kuching
- Program Kedahku Sayang pada 9 hingga 13 September 2014 di Jabatan Pendidikan Pendang, Kedah
- Simposium Komuniti Lestari pada 14 November 2014 di PKMA UNIMAS
- Jamuan Makan Malam Sempena Simposium Komuniti Lestari pada 28 hingga 29 November 2014 di Dewan UNIMAS, Kampus Timur
- Program Anak Angkat Menyemai Bakti pada 26 hingga 27 April 2014 di Kampung Melayu Lubok Antu, Sri Aman
- Program Anak Angkat Tautan Kasih pada 17 hingga 18 Mei 2014 di Kampung Lintang Baru, Panchor
- Program Cintai Budaya Sarawak pada 17 hingga 18 Mei 2014 di Rumah Panjang Tradisional Kaum Iban, Kpg Sungai Buloj, Sadong Jaya
- Program Let's Share The Day pada 17 hingga 18 Mei 2014 di Kpg Tanjong Bako
- Program We Share We Care pada 17 hingga 18 Mei 2014 di Taman Seri Puteri, Kuching
- Bakti Siswa Ke D'Cove Pasir Panjang Family Park pada 18 Mei 2014 di Kuching
- Program Membantu dan Beramal pada 26 hingga 27 April 2014 di Kampung Ulu, Sri Aman, Sarawak
- Program Seerat Kasih Sehiu Bumi pada 26 hingga 27 April 2014 di SK Hj Kelali & Kpg Semera Laut Sadong Jaya, Samarahan
- Hari KO-Q UNIMAS pada 21 Mei 2014 di DeTAR Putra UNIMAS
- Program Sehari Bersama Komuniti pada 22 November 2014 di Kampung Meranek, Samarahan
- Hari KO-Q UNIMAS pada 3 Disember 2014 di Dewan Kampus Timur, UNIMAS
- Program The Journey Begins pada 18 hingga 20 April 2014 di Kampung Pandan, Lundu.
- Program Jom Sihat pada 26 hingga 27 April 2014 di Kpg. Pinang, Kota Samarahan

- Program Misi Kepimpinan & Kemanusiaan pada 6 hingga 7 Disember 2014 di Kampung Pangkat Stumbin, Sri Aman
- Program Kayak Unity Camp pada 3 hingga 4 Mei 2014 di Pantai Damai Puri, Santubong, Kuching
- Program Leadership Exploration And Development (LEAD) pada 16 hingga 18 Mei 2014 di Gunung Gading, Lundu, Sarawak
- Program Bersama PIBG SK Tanjung Bako pada 26 November 2014 di Sekolah Rendah Tanjung Bako
- Program Transformasi Pembina Bangsa pada 3 hingga 4 Mei 2014 di Sekolah Tunas Bakti, Kuching
- Program Baik Pulih Dan Tambah Baik Minimart Sakura dan Kenanga oleh KeSISMA pada 17 Februari hingga 31 Mei 2014
- UNIMAS Road Relay 2014 pada 18 Mei 2014 di Stadium UNIMAS





Pembangunan Kampus



PEMBANGUNAN

Kampus UNIMAS dibina di atas tanah seluas 2,000 hektar, dan kawasan yang telah dibangunkan adalah sekitar 30% dari keluasan sebenar kampus hijau ini. Segala urusan pembangunan dan pengurusan aset fizikal universiti dikendalikan oleh Pejabat Pembangunan. Pejabat ini memastikan fasiliti sentiasa berada dalam keadaan yang kondusif, sedia guna dan terpelihara, melalui khidmat yang efisien, agar dapat menyumbang kepada kelancaran aktiviti pentadbiran, pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan serta khidmat masyarakat.

Antara projek pembangunan fizikal di kampus baharu UNIMAS setakat 2014 termasuk:

PROJEK PEMBANGUNAN RANCANGAN MALAYSIA SAMBUNGAN RMKE-10, ROLLING PLAN 4 (RP4) UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK (UNIMAS)

Dalam RMKe-10, *Rolling Plan 4*, terdapat tiga (3) projek fizikal telah diluluskan untuk dilaksanakan UNIMAS iaitu:

Cadangan Menaiktaraf Bangunan Pra-Universiti di Kampus Timur



Bangunan untuk program pra-universiti dicadangkan untuk naik taraf, sesuai dengan keperluan pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan di kampus timur universiti. Lakaran di atas adalah dari pandangan perspektif seni bina untuk bangunan yang dicadangkan.

Cadangan Pembinaan Bangunan Tambahan Untuk Pejabat Akademik



Sebuah bangunan akan dibina untuk menampung keperluan ruang untuk staf akademik di kampus barat. Bangunan ini akan diduduki oleh staf dari pelbagai fakulti dan bidang. Lakaran di atas adalah dari pandangan perspektif seni bina untuk bangunan yang dicadangkan.

Pembinaan Pusat Penyelidikan Tumbuhan



Pusat Penyelidikan Tumbuhan dicadangkan untuk menyokong pembangunan penyelidikan yang berkaitan dengan tumbuhan, suatu bidang tujahan universiti yang unik dan relevan dengan keberadaan universiti di kepulauan Borneo yang kaya dengan sumber alam semulajadi. Lakaran di atas adalah dari pandangan perspektif seni bina untuk bangunan yang dicadangkan.

Urusan pelantikan perunding serta penyediaan rekabentuk untuk urusan tender untuk projek-projek ini telah siap dilaksanakan pada tahun 2014. Projek-projek ini akan ditender pada awal tahun 2015.

PROJEK PEMBANGUNAN FIZIKAL KAMPUS MENGGUNAKAN PENJIMATAN PERUNTUKAN RMKE-9 DAN RMKE-10

Pembinaan dan Penyiapan Jambatan dan Jalan Keluar/Masuk ke Kampung Sebayor

Pembinaan dan penyiapan jambatan dan jalan keluar/masuk ke Kampung Sebayor yang melibatkan pembinaan jalan sepanjang lebih kurang 800 meter dan sebuah jambatan konkrit yang menghubungkan Kampung Sebayor melalui jalan Pusat Jantung, Kota Samarahan. Dengan penyiapan projek ini, penduduk Kampung Sebayor tidak perlu masuk melalui jalan masuk Kampus Tetap, UNIMAS.

Perlaksanaan tender ini adalah secara tender terbuka. Pembinaan telah bermula pada 14 Ogos 2013 dan dijangka siap pada suku tahun kedua 2015 dengan kos RM 4,271,900.00 juta.

Ubah Suai/Membaik Pulih Bumbung Bangunan Keseluruhan Kampus Tetap Fasa 1 Peringkat 1 (Fakulti Sains dan Teknologi Sumber)

Ubah suai/membaik pulih bumbung bangunan keseluruhan kampus tetap fasa 1 peringkat 1 (Fakulti Sains dan Teknologi Sumber) telah dilaksanakan secara tender terbuka. Pembinaan projek ini telah bermula pada 17 Februari 2014 dan telah siap sepenuhnya pada 16 Ogos 2014 dengan kos RM1,426,729.00 juta.

Cadangan Penambahbaikan Reka Bentuk Dalaman untuk Dewan Tunku Abdul Rahman Putra (DeTAR PUTRA)

Cadangan penambahbaikan reka bentuk DeTAR PUTRA ialah satu projek merangkumi pembinaan galeri, menaik taraf pentas di dalam Arena Gemilang termasuk penambahan penyaman udara, penambahan lif, pengubahsuaian Bilik Nilam dan Bilik Kenyalang.

Urusan pelantikan perunding serta penyediaan reka bentuk untuk urusan tender telah siap dilaksanakan pada tahun 2014. Projek ini akan ditender pada awal tahun 2015.

PROJEK PEMBANGUNAN FIZIKAL KAMPUS MENGGUNAKAN PERUNTUKAN SUMBER DALAMAN

Ubah suai/membaik pulih bumbung Fakulti Kejuruteraan (FK) dan Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM).

Ubah suai/membaik pulih bumbung bangunan Fakulti Kejuruteraan (FK) dan Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM) telah dilaksanakan secara tender terbuka. Pembinaan telah bermula pada 20 Ogos 2014 dan dijangka siap pada 19 Ogos 2015 dengan kos RM3,365,325.00 juta.



Khidmat Maklumat Akademik



Kecemerlangan akademik sesebuah Universiti sering dikaitkan dengan kecemerlangan sumber ilmu yang disediakan. Perpustakaan memainkan peranan ke arah penyediaan sumber ilmu bagi menyokong aktiviti-aktiviti pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan inovasi. Di UNIMAS, khidmat maklumat akademik didokong oleh Pusat Khidmat Maklumat Akademik (PKMA).

Dalam era teknologi maklumat, fungsi PKMA sebagai pusat pengumpulan dan penyebaran maklumat tidak terhad kepada bahan yang berada dalam bangunan Pusat sahaja. Pelbagai kaedah dan media kini digunakan bagi memastikan maklumat yang diperlukan boleh diperolehi dan dicapai tanpa mengira masa dan tempat. Sehubungan itu, Pusat memainkan peranan yang lebih proaktif bagi memastikan keperluan universiti dipenuhi pada tahap yang maksimum seiring dengan Visi dan Misi UNIMAS. Para Pustakawan perlu bijak mengenalpasti dan mengguna pakai pelbagai teknologi yang ada sesuai dengan perkembangan semasa sebagai nilai tambah (*value added*) kepada perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan.

Pusat Khidmat Maklumat Akademik (PKMA) menyokong iltizam Universiti untuk menjadi Universiti contoh dan menjadi pilihan utama bagi pelajar dan para akademik melalui sokongan padu dalam aktiviti-aktiviti pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan inovasi. Dengan berlandaskan visi untuk menjadi pusat maklumat sehenti yang efisien dan berkesan, PKMA telah merangka Pelan Strategik 3 tahun bagi tempoh 2014-2016 yang diselaraskan dengan Pelan Strategik Unimas 2015 serta Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) Fasa 2 iaitu, Peningkatan dan Perneriksaan.

Pelan Strategik Khidmat Maklumat Akademik 2014-2016 telah menyenaraikan lima (5) fokus penting iaitu, Kepimpinan Tadbir Urus Cemerlang, Pengajaran Pembelajaran, Penyelidikan & Inovasi, Proses Dalaman dan Pengurusan Kewangan yang merupakan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Perpustakaan IPTA. Pencapaian kelima-lima fokus penting ini akan direalisasikan menerusi lapan (8) Objektif Strategik iaitu, Kepimpinan Tadbir Urus Cemerlang, Pengajaran & Pembelajaran, Penyelidikan & Inovasi, Pengiktirafan & Penarafan Universiti, Kompetensi Staf, *Community Engagement*, Promosi & Pengantarabangsaan dan Kebolehpasaran Graduan.



Antara inisiatif strategik Khidmat Maklumat Akademik adalah:

1. Memantapkan kepimpinan tadbir urus yang cemerlang
2. Menyediakan sumber ilmu yang berkualiti untuk menyokong pengajaran, pembelajaran penyelidikan dan inovasi
3. Menyokong ke arah penarafan universiti
4. Memperkasakan penyelidikan melalui perkhidmatan sokongan penyelidikan dan perkhidmatan bibliometrik yang berkualiti
5. Memperkasakan Repositori Institusi untuk meningkatkan visibiliti pengarang dan penyelidik UNIMAS
6. Memperkasakan Khidmat Komuniti
7. Memantapkan pengurusan dan akauntabiliti kewangan

Tindakan Strategik



PETA STRATEGI PKMA 2014-2016



Pemerkasaan Sumber Ilmu

Dengan peruntukan sebanyak RM7.005 juta untuk perolehan sumber ilmu, usaha memantapkan koleksi di PKMA diteruskan dengan perolehan buku, bahan media, jurnal bercetak dan elektronik, buku elektronik serta langganan pangkalan data atas talian. Sehingga Disember 2014, jumlah koleksi bahan bercetak (buku, tesis, laporan pelajar tahun akhir dan jurnal berjilid) telah meningkat kepada 235,377 naskah, peningkatan sebanyak 6,858 naskah (3%). Bahan-bahan media juga menunjukkan pertambahan sebanyak 79 set atau 0.69% menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 11,503 set. Buku elektronik juga meningkat kepada 1,509,737 judul dengan pertambahan sebanyak 2,319 judul. Pada tahun 2014, Pusat telah melanggan 28 pangkalan data atas talian. Jumlah langganan jurnal telah meningkat kepada lebih 74,715 judul iaitu 159 judul jurnal bercetak dan lebih 74,556 judul elektronik.


Kemudahan dan Perkhidmatan

Untuk memperkasakan perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan, semakan semula terhadap lokasi dan penggunaan ruang telah dijalankan mulai Januari-April 2014 dengan memberi penekanan pada ruang lantai, fungsi dan lokasi terhadap ruang-ruang tertentu, bahan, kemudahan, perkhidmatan dan penjanamaan (tanda arah, dll) yang terdapat pada ruang tersebut, staf yang menduduki ruang tersebut dan pengguna yang menggunakan ruang tersebut. Pengumpulan dan analisis maklumat berkaitan pengurusan dan penggunaan ruang-ruang di PKMA telah membantu dalam mengenal pasti tindakan strategik untuk meningkatkan kecemerlangan tadbir urus pusat ini dan memantapkan penyampaian perkhidmatan kepada pengguna. Audit Ruang bertujuan untuk meningkatkan kecekapan penggunaan sumber melalui penggunaan optimum terhadap kawasan/tempat kerja dan tenaga manusia.


Audit Aset dan Inventori juga telah dilaksanakan pada Disember 2014 bagi memastikan sistem pengurusan aset alih mengikut prosedur yang ditetapkan. Pada masa yang sama, audit ini juga adalah untuk memastikan aset-aset Pusat berfungsi sepenuhnya bagi tujuan kelancaran perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan.

Kemudahan Pembelajaran 24-Jam

Kemudahan Pembelajaran 24 Jam / 24 Hrs *Learning Facility* telah diberi wajah baharu dengan perhiasan-perhiasan dinding hasil sentuhan pelajar-pelajar FSGK, pertambahan bilangan kerusi dan meja serta pemantapan soket-soket elektrik & Wifi.



Perolehan Sumber Ilmu



Jumlah Sumber Ilmu

Perpindahan PKMA Perubatan Ke Kampus Tetap

PKMA-Perubatan yang dahulunya di Lot 77, Kuching kini telah berpindah ke bangunan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan di UNIMAS, Kota Samarahan seiring dengan perpindahan fakulti yang berlangsung sekitar bulan Jun yang lepas. PKMA Perubatan telah beroperasi sepenuhnya pada 28 Ogos 2014 iaitu sebelum memasuki pelajar baharu sesi 2014/2015.


Penggunaan Sumber Ilmu

Unit Perkhidmatan Pelanggan menawarkan perkhidmatan akses perpustakaan meliputi perkhidmatan pinjaman, pemulangan, pembaharuan serta tempahan bahan bacaan. Tahun 2014 mencatatkan peminjaman keluar bahan sebanyak 126,320 berbanding 132,691 bahan yang dipulangkan serta 687 tempahan pengguna. Pada tahun ini juga, Pusat mencatatkan 708,908 kunjungan pengguna. Walaupun jumlah pinjaman keluar bahan menurun kepada 126,320 bahan berbanding 163,823 bahan tahun 2013, penggunaan dalaman bahan telah meningkat dari 259,132 bahan pada 2013 kepada 711,779 bahan pada 2014 iaitu, kenaikan sebanyak 174%. Kenaikan mendadak penggunaan dalaman ini adalah disebabkan oleh trend pembelajaran masa kini kerana pelajar merujuk kepada pelbagai bahan rujukan dalam pencarian maklumat.

Program Literasi Maklumat

Program Literasi Maklumat terus dimantapkan bagi memastikan keterampilan maklumat dalam kalangan pengguna. Lima (5) Modul Literasi Maklumat terus dipromosikan kepada semua katagori pengguna. Pada 2014, 22 sesi bengkel telah dilaksanakan. Maklum balas peserta juga telah menunjukkan peningkatan dalam tahap kepuasan serta keyakinan peserta mengaplikasikan kemahiran yang diperoleh daripada bengkel-bengkel tersebut. Lima (5) Modul Literasi Maklumat berkenaan adalah:

1. Introduction to CAIS
2. CAIS Web OPAC
3. Finding Information for Academic Writing
4. Finding Information on the Web
5. Citing References & Plagiarism



Penerbitan & Sitasi

Laporan Rekod dan Petikan UNIMAS bagi penerbitan yang diterbitkan di dalam Scopus (rekod 1998-2014) & ISI WoS, SCI, SSCI (2001-2014) sehingga Disember 2014.

Tahun	Rekod Scopus	Petikan Scopus	Rekod ISI WoS*	Petikan ISI WoS*
2008	113	593	90	388
2009	150	872	95	605
2010	199	1143	125	825
2011	236	1394	101	1011
2012	236	1770	128	1212
2013	238	1980	140	1453
2014	205	1895	*115	*1364

Jadual 1: Bilangan Rekod dan Petikan ISI WoS, SCI, SSCI sehingga Disember 2014

Jumlah Rekod dan Petikan ISI WoS, SCI, SSCI diperoleh daripada pihak UKM kerana pangkalan data tersebut tidak dilanggan oleh UNIMAS

Peratusan Perkembangan Bilangan Rekod & Petikan UNIMAS i dalam Scopus dan ISI WoS, SCI, SSCI sehingga bulan Disember 2014

Sumber/ Resources	Bilangan Rekod/ Record 2009-2013	Bilangan Petikan/ Citation 2009-2013	Bilangan Rekod/ Record 2010 - 2014	Bilangan Petikan/ Citation 2010 - 2014	Peratus (%) Kenaikan Rekod/ Percentage Increase of Records	Peratus (%) Kenaikan Petikan/ Percentage Increase of Citation
Scopus	1059	7159	1114	8182	5.19	14.28
ISI WoS	589	5106	609	5865	3.39	14.86

Jadual 2: Peratusan Perkembangan Bilangan Rekod & Petikan UNIMAS dalam Scopus dan ISI WoS, SCI, SSCI sehingga bulan Disember 2014.

Faktor Impak Kumulatif, UNIMAS

Sumber Penerbitan: Scopus & ISI WoS, SCI, SSCI

Sumber Faktor Impak : Journal Citation Report (JCR)

Tahun	2009	2010	2011	2012	2013
Faktor Impak Kumulatif (Scopus)	975.807	1048.155	1443.762	1653.742	1733.128
Faktor Impak Kumulatif (ISI WoS, SCI, SSCI)	203.275	213.863	1439.433	1659.488	2065.781

Jadual 3: Jumlah Faktor Impak Penerbitan UNIMAS i dalam Scopus dan ISI WoS, SCI, SSCI sehingga bulan Disember 2014.

Catatan 1: Tiada data bagi Sumber ISI WoS, SCI, SSCI

Nisbah Rekod Per Ahli Akademik Bagi UNIMAS Berdasarkan Scopus & ISI WoS, SCI, SSCI.

Tahun	Bil. Rekod		Bil. Ahli Akademik	Nisbah Rekod Per Ahli Akademik	
	Scopus	ISI WoS		Scopus	ISI WoS
2008	113	90	663	0.17	0.13
2009	150	95	700	0.21	0.13
2010	199	125	745	0.26	0.16
2011	236	101	758	0.31	0.13
2012	236	128	765	0.30	0.16
2013	238	115	770	0.30	0.14

Jadual 4: Nisbah Petikan Per Ahli Akademik Bagi UNIMAS Berdasarkan Scopus & ISI WoS, SCI, SSCI.

Tahun	Bil. Petikan		Bil. Ahli Akademik	Nisbah Petikan Per Ahli Akademik	
	Scopus	ISI WoS		Scopus	ISI WoS
2008	593	388	663	0.89	0.58
2009	872	605	700	1.24	0.86
2010	1143	825	745	1.53	1.10
2011	1394	1011	758	1.83	1.33
2012	1770	1212	765	2.31	1.58
2013	1980	1453	770	2.57	1.88

Jadual 5: Nisbah Petikan Per Ahli Akademik Bagi UNIMAS Berdasarkan Scopus & ISI WoS, SCI, SSCI.

Bilangan Petikan 2009-2013/ Bilangan Rekod 2009-2013

Sumber	Bilangan Rekod 2009-2013	Bilangan petikan 2009-2013	Petikan/ rekod*
Scopus	1114	8182	7.34
ISI WoS	609	5865	7.63

Jadual 6. Menunjukkan Nisbah Perbandingan Antara Bilangan Rekod & Bilangan Petikan UNIMAS dalam Scopus dan ISI WoS, SCI, SSCI sehingga Disember 2014.

*Nota: 1 Rekod = 7.34 Petikan (Scopus)

1 Rekod = 7.63 Petikan (ISI WoS, SCI, SSCI)

Penggunaan Media Sosial

Pusat telah memanfaatkan sepenuhnya media sosial bagi mempromosikan PKMA. Antaranya melalui Facebook, Twitter, Instagram, Google+, Youtube, Blogspot, Tumblr dan Linkedn yang kesemuanya menggunakan tag cais@unimas. Keupayaan media sosial sebagai penyebar maklumat terpantas menjadikan ia popular kerana mudah untuk diakses melalui apa-apa gajet, peranti komputer dan keperluan teknologi yang lain. Facebook merupakan media sosial yang paling popular yang digunakan PKMA. Ia begitu popular kerana kepelbagaian fungsinya. Melalui Facebook pengguna dapat berkongsi maklumat, berkongsi gambar, chatting serta bertukar fail.

Pelbagai maklumat telah dimuat naik melalui laman Facebook rasmi PKMA. Antaranya ialah maklumat semasa, aktiviti-aktiviti dalam UNIMAS, aktiviti-aktiviti di PKMA, perkhidmatan dan kemudahan PKMA dan pelbagai lagi maklumat

bagi memenuhi keperluan pengguna PKMA. Facebook juga menjadi platform bagi pelajar untuk mengemukakan sebarang aduan dan juga cadangan kepada PKMA. Antara aduan yang kerap kali disuarakan ialah mengenai permasalahan mengenai sistem Millennium, perkhidmatan kaunter, permasalahan Pangkalan Data Atas Talian serta kemudahan IT di pusat ini.



Program Kembara Ilmu

Program Kembara Ilmu dalam tahun 2014 telah berjaya dilaksanakan dengan kerjasama antara pihak PKMA dan Fakulti serta Pusat yang telah dikenal pasti. Program bermula pada 9 Oktober 2014 di FPSK dan berakhir pada 21 November 2014 di Pusat Pengajian Bahasa.

Antara objektif Program Kembara Ilmu ini adalah untuk:

- Mendekati warga fakulti bagi mengetahui tahap kepuasan terhadap perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh Pusat
- Menyemai dan memperkukuh kesedaran dan penghayatan ilmu dalam kalangan warga Fakulti
- Mempromosikan perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh Pusat
- Memupuk semangat kerjasama antara Pusat dan Fakulti (melalui pemulangan buku-buku yang telah tamat tempoh dan sumbangan ke dalam IR).

Hasil daripada program ini dapat dilihat dengan pertambahan permohonan bagi sesi-sesi Literasi Maklumat daripada pihak Fakulti. Penambahbaikan kepada Program ini akan diambil dari segi pengisian program serta Borang Maklum Balas peserta. Susulan daripada maklum balas postif peserta, Pusat memutuskan supaya program ini dilaksanakan pada setiap semester, diperluaskan kepada kolej-kolej kediaman, memanjangkan tempoh program di setiap Fakulti/Pusat serta dilaksanakan secara besar-besaran bersama pelajar tahun pertama dan diikuti dengan pelajar tahun akhir supaya mereka mahir menggunakan perkhidmatan dan kemudahan Pusat.

Repositori Institusi (RI)

Pembangunan RI UNIMAS terus dimantapkan bagi memastikan harta intelek Universiti didigitalkan, disebar luas demi mempertingkatkan visibiliti para penulis dan penyelidik UNIMAS. Setakat Disember 2014, rekod dalam Repositori Institusi telah meningkat kepada 5337 dan 489 hasil penulisan warga UNIMAS telah diindeks oleh Google Scholar. Ini diharap dapat meningkatkan tahap webometrik UNIMAS.

Memori Korporat UNIMAS

Pada Mei 2014, Pusat telah mengambil satu lagi inisiatif baharu iaitu membangunkan *Corporate Memory UNIMAS*. Penubuhannya bertujuan untuk memastikan khazanah intelek universiti yang mengandungi dokumen-dokumen terhad/sulit dikumpul, diproses dan dipelihara bagi rujukan pihak-pihak berkepentingan universiti serta rujukan pada masa akan datang. Akses kepada koleksi ini hanya diberikan kepada Pengurusan tertinggi utama dan pegawai-pegawai berkenaan melalui User-ID & kata laluan. Antara kategori bahan dalam Memori Korporat yang dimuat naik adalah seperti berikut:

- Buku Panduan/Prospektus
- Laporan Tahunan/Laporan
- MoUs/MoAs
- Teks Ucapan
- Wawancara/Temu bual
- Kertas Cadangan Penawaran Program/ Pengiktirafan Program
- Pelantikan
- Minit Mesyuarat
- Konvokesyen
- Seminar/Konfrens/Bengkel
- Pekeliling Dalaman
- Jurnal/Buletin
- Warta
- Dokumen Kontrak
- Statut & Perlembagaan
- Pelan Strategik
- Peraturan Akademik
- Pembangunan Fakulti UNIMAS
- Pelajar – Kemasukan/Bergraduat
- *Creative & Innovative Cycle (CIC @ KIK)*
- Kakitangan UNIMAS
- Syarahan Umum


Capaian Kepada Sumber Elektronik

Pada tahun ini juga, lebih daripada 28 sumber elektronik yang meliputi pelbagai bidang bagi memenuhi keperluan sumber ilmu dalam menyokong pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan di Universiti telah dilanggan. Pengguna berupaya mengakses maklumat 24 jam tanpa batasan masa melalui perisian pelayan EzyProxy secara *remote* tanpa perlu ke Pusat.

1, 246,706

Capaian Sumber Maklumat Elektronik 2014





**Muat Turun Teks Penuh Pengkalan Data
Jurnal Elektronik Utama**

6,328

ProQuest Dissertation
& Theses

98,382

Springer eBook

63,710

Lecture Notes in
Computer Science



**Muat Turun Teks Penuh
4 Pengkalan Data
Buku Elektronik Utama**

27,960

EBSCOhost Business
Source Complete

Pembangunan Modal Insan

Pengurusan sumber manusia yang strategik berkait rapat dengan strategi organisasi untuk meningkatkan prestasi kerja, mengembangkan budaya kerja yang mendukung penerapan inovasi dan fleksibiliti. Kejayaan organisasi berkait rapat dengan prestasi pekerja melalui sokongan program-program yang dilaksanakan oleh pihak pengurusan sumber manusia. Pusat meneruskan kerjasama mantap dengan Bahagian Pembangunan Modal Insan, melalui penganjuran beberapa siri kursus dalaman untuk memenuhi keperluan kursus fungsional. Selain itu, Pusat juga menghantar staf untuk menghadiri kursus, seminar, bengkel yang berkaitan bagi menambah ilmu pengetahuan dan kemahiran untuk meningkatkan kompetensi kakitangan. Sesi perkongsian ilmu juga turut diperkasakan bagi warga Pusat berkongsi maklumat dan ilmu yang diperoleh semasa menghadiri kursus, seminar, bengkel, lawatan dan ceramah bagi melestarikan pembelajaran sepanjang hayat.

Seminar Kepustakawanan 2014

Seminar Kepustakawanan 2014 dengan tema Memperkasakan Inisiatif Khidmat Maklumat Sehenti telah diadakan pada 25 & 26 September 2014 bertempat di Hotel Merdeka Palace Kuching. Pembentangan dan kupasan kertas kerja oleh 14 pembentang yang terdiri daripada penyedia, pembekal dan pengguna maklumat dari seluruh negara. Lebih 100 orang peserta daripada pelbagai jenis perpustakaan seluruh negara dan Brunei Darussalam telah menyertai seminar dua hari tersebut. Pada pembentangan hari pertama, para peserta telah dihidangkan dengan 9 kertas kerja yang berkisarkan dua fokus iaitu sumber ilmu, sistem dan ICT. Sementara 5 kertas kerja yang memfokuskan kepada perkhidmatan telah dibentangkan pada hari kedua. Adalah diharap program tahunan yang dianjurkan oleh Pusat ini dapat dijadikan wadah bagi para Pustakawan berkongsi idea dan inovasi ke arah meningkatkan ilmu pengetahuan, kemahiran serta profesionalisme Pustakawan.

Inisiatif Kualiti

Budaya kerja berkualiti terus diterapkan dan diamalkan dalam diri warga PKMA bagi memastikan Visi dan Misi Pusat tercapai. Kerjasama dan komitmen warga PKMA telah membuahkan hasil apabila buat tahun keempat berturut-turut PKMA berjaya mengekalkan Persijilan MS ISO 9001:2008. Bagi tujuan penambahbaikan Pusat berhasrat untuk memperluaskan skop pensijilan bagi beberapa objektif kualiti lagi.



Program Khidmat Komuniti

Program Khidmat Komuniti terus dilaksanakan dengan jayanya. Pusat telah berjaya menyerahkan bahan-bahan bacaan kepada Perpustakaan Desa Kampung Salak dan juga Perpustakaan Kem Penrissen. Majlis penyerahan sumbangan telah diadakan pada 23 September 2014 di Bilik Mesyuarat PKMA. Ini merupakan kesinambungan sumbangan bahan bagi Kampung Salak yang menyaksikan fasa pertama telah diadakan tahun lepas dan bagi Kem Penrissen, ini merupakan sumbangan pertama. Pusat juga telah menyerahkan sebilangan bahan bacaan kepada Rumah Kanak-Kanak Datuk Ajibah Abol di Sri Aman sempena lawatan CSR UNIMAS pada 14 November 2014. Dengan itu, menjadi objektif Pusat supaya program ini akan berterusan serta dilestarikan pada masa akan datang. Sehubungan itu, Program Book Donation Station yang dilaksanakan oleh Pusat akan digiatkan lagi bagi mendapat sumbangan bahan daripada warga UNIMAS serta pengguna Pusat untuk disumbangkan kepada perpustakaan/pusat maklumat yang memerlukan.



Program Jom Baca 10 Minit dan Bedah Buku

- Vincent, M., Pometto, A.L., Van Leeuwen, J. Ethanol production via simultaneous saccharification and fermentation of sodium hydroxide treated corn stover using *Phanerochaete chrysosporium* and *Gloeophyllum trabeum* (2014) *Bioresource Technology*, 158, pp. 1-6.

- Wahi, R., Chuah, L.A., Ngaini, Z., Nourouzi, M.M., Choong, T.S.Y. Esterification of M. sagu bark as an adsorbent for removal of emulsified oil(2014) *Journal of Environmental Chemical Engineering*, 2 (1), pp. 324-331.
- Wang, H., Mohamad, D., Ismail, N.-A. An efficient parameters selection for object recognition based colour features in traffic image retrieval(2014) *International Arab Journal of Information Technology*, 11 (3), pp. 308-314.
- Wan Adnan, W.A., Noor, N.L.Md., Saman, F.M., Zailani, S.N., Hashim, W.N.W. Evaluation of graceful movement in virtual fitting through expressed emotional response and emotion expressed via physiology measures (2014) *Lecture Notes in Computer Science (including subseries Lecture Notes in Artificial Intelligence and Lecture Notes in Bioinformatics)*, 8511 LNCS (PART 2), pp. 788-797.
- Wan Juhari, W.K., Md Tamrin, N.A., Mat Daud, M.H.R., Isa, H.W., Mohd Nasir, N., Maran, S., Abdul Rajab, N.S., Ahmad Amin Noordin, K.B., Nik Hassan, N.N., Tearle, R., Razali, R., Merican, A.F., Zilfalil, B.A.A whole genome analyses of genetic variants in two Kelantan Malay individuals(2014) *HUGO Journal*, 8 (1), pp. 1-5.
- Wan Zulkiplee, W.S.H., Abd Halim, A.N., Ngaini, Z., Mohd Ariff, M.A., Hussain, H. Bis-Thiourea bearing aryl and amino acids side chains and their antibacterial activities(2014) *Phosphorus, Sulfur and Silicon and the Related Elements*, 189 (6), pp. 832-838.
- Wong, S.Y., Ooi, I.H., Boyce, P.C. A new *Haniffia* species (Zingiberaceae) and a new generic record from Sarawak, Malaysian Borneo (2014) *Botanical Studies*, 55 (1), art. no. 51, .
- Yamin, B.M., Rodis, M.L., Chee, D.N.B.A. Crystal structure of 4-cyclohexyl-1-(propan-2-ylidene)thiosemicarbazide (2014) *Acta Crystallographica Section E: Structure Reports Online*, 70 (10), p. o1109.
- Yasser, Q.R., Al Mamun, A. Implications of ownership identity and insider's supremacy on the economic performance of the listed companies(2014) *Corporate Ownership and Control*, 11 (4 Continued 4), pp. 399-411.
- Yeng, W.S., Boyce, P.C. Studies on Homalomeneae (Araceae) of Borneo XVIII: Homalomena prolixa and H. scutata, two new species of doubtful affinity(2014) *Willdenowia*, 44 (2), pp. 279-285.
- Yeng, W.S., Boyce, P.C. Studies on Schismatoglottideae (Araceae) of Borneo XXX - new species and combinations for *Bucephalandra*(2014) *Willdenowia*, 44 (2), pp. 149-199.
- Yeng, W.S., Boyce, P.C. Studies on schismatoglottideae (Araceae) of Borneo XXXIV - *Schismatoglottis iliata*, a new species from NW Sarawak, and notes on the *Schismatoglottis Multiflora* Group and the *Schismatoglottis mayoana* Complex(2014) *Willdenowia*, 44 (1), pp. 5-11.
- Yeng, W.S., Boyce, P.C. Studies on Schismatoglottideae (Araceae) of Borneo XXXIX: *Schismatoglottis persistens*, a new rhizomatous rheophytic species for the *Schismatoglottis Multiflora* Group (2014) *Willdenowia*, 44 (2), pp. 247-251.
- Yeng, W.S., Boyce, P.C. Studies on Schismatoglottideae (Araceae) of Borneo XXXXI: Additional new species of *Bucephalandra* (2014) *Willdenowia*, 44 (3), pp. 415-421.
- Yeong, L.T., Hamid, R.A., Yazan, L.S., Khaza'ai, H., Hamsin, D.E.Z.A. Synergistic action of compounds isolated from the hexane extract of *Ardisia crispa* root against tumour-promoting effect, in vitro(2014) *Natural Product Research*, 28 (22), pp. 2026-2030.
- Yeo, F.K., Hensel, G., Vozábová, T., Martin-Sanz, A., Marcel, T.C., Kumlehn, J., Niks, R.E. Golden SusPtrit: a genetically well transformable barley line for studies on the resistance to rust fungi. (2014) *TAG. Theoretical and applied genetics. Theoretische und angewandte Genetik*, 127 (2), pp. 325-337.
- Yeo, J.-Y., Ting, S.-H. Personal pronouns for student engagement in arts and science lecture introductions(2014) *English for Specific Purposes*, 34 (1), pp. 26-37.
- Yuliati, L., Kimi, M., Shamsuddin, M. High activity of Ag-doped Cd_{0.1}Zn_{0.9}S photocatalyst prepared by the hydrothermal method for hydrogen production under visible-light irradiation (2014) *Beilstein Journal of Nanotechnology*, 5 (1), pp. 587-595.

Yulianti, L., Kimi, M., Shamsuddin, M. Photocatalytic hydrogen production from water on Ga, Sn-doped ZnS under visible light irradiation(2014) Advanced Materials Research, 925, pp. 200-204.

Zaki, M.Z.M., Jawawi, D.N.A., Hamdan, N.M., Halim, S.A., Mamat, R., Mahat, F.S., Omar, N.A. Multi-Criteria architecture style selection for precision farming software product lines using fuzzy AHP (2014) International Journal of Advances in Soft Computing and its Applications, 5 (SPECIALISSUE.3), pp. 1-23.

Zander, K.K., Pang, S.T., Jinam, C., Tuen, A.A., Garnett, S.T. Wild and valuable? Tourist values for orang-utan conservation in Sarawak(2014) Conservation and Society, 12 (1), pp. 27-42.

Zayed, M.Z., Ahmad, F.B., Ho, W.-S., Pang, S.-L. GC-MS analysis of phytochemical constituents in leaf extracts of Neolamarckia cadamba (rubiaceae) from Malaysia (2014) International Journal of Pharmacy and Pharmaceutical Sciences, 6 (9), pp. 123-127.





Teknologi Maklumat & Komunikasi





Pusat Khidmat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (PKTMK) dipertanggungjawabkan untuk merangka pelan tindakan ICT universiti, memantapkan infrastruktur dan infostruktur serta mengukuhkan governan ICT dengan berpaksikan kepada Pelan Strategik ICT 2013-2015. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2014 adalah seperti berikut:

MEMPERKASAKAN APLIKASI ICT

Aplikasi Baharu

Kewujudan aplikasi baharu membuktikan UNIMAS sentiasa peka dalam menyediakan aplikasi yang dapat menyokong sistem pentadbiran dan sistem penyampaian maklumat.

UNIMAS On The Go yang mula digunakan pada 6 Februari 2014, adalah merupakan aplikasi mobil bagi peranti pintar yang berperanan sebagai medium penghantaran notifikasi sepusat untuk aktiviti, konferens, iklan perolehan/kekosongan jawatan, status tuntutan perjalanan serta kalendar akademik. Aplikasi ini merupakan usahasama antara PKTMK dengan Bahagian Pengurusan Komunikasi Korporat, Pejabat Bendahari, Bahagian Pengajian Prasiswazah, Pusat Pengajian Siswazah serta Pusat Pengajian Prauniversiti. Projek ini telah berjaya merangkul tempat ketiga bagi Anugerah Inovasi ICT yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Modul Pelan Pembelajaran telah dilaksanakan mulai sesi akademik 2014/2015-1 bagi pengajian prasiswazah. Ia turut diintegrasikan dengan modul *e-Course Registration* untuk membantu fakulti dalam membuat perancangan penawaran kursus dan mengatasi masalah pendaftaran kursus.

Sistem Penyeliaan Pelajar (Modul Latihan Industri) pada peringkat percubaannya telah digunakan di Fakulti Sains Teknologi dan Sumber pada sesi akademik 2014/2015-1. Modul ini akan digunakan secara meluas di UNIMAS mulai sesi akademik 2014/2015-2. Ia membolehkan pensyarah membuat pemantauan aktiviti dan penghantaran laporan oleh pelajar secara *online*.

Pembangunan Modul Pengurusan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) yang merangkumi Program Perubatan dan Program Kejururawatan telah siap sepenuhnya pada penghujung tahun 2014 dan sedia untuk digunakan mulai sesi akademik 2014/2015-2. Ianya membantu dalam pengurusan maklumat jadual kursus Program Perubatan dengan kaedah sistem blok dan Program Kejururawatan secara sistem semester. Pengintegrasian modul ini dengan Sistem Pengurusan Ruang Kuliah dan *e-Course Registration* juga telah berjaya dilakukan.

“UNIMAS sentiasa peka kepada perkembangan semasa dunia teknologi maklumat dan komunikasi, dan sedar akan kepentingan aspek-aspek ini dalam memperkasa urusan perkhidmatan dan pentadbiran universiti.”

Modul Foto Pelajar merupakan satu modul yang membenarkan calon pelajar memuat naik foto bersaiz pasport untuk cetakan kad matrik pelajar semasa pendaftaran. Pertama kalinya digunakan pada sesi kemasukan 2014/2015-1, ia terbukti berjaya mengurangkan beban tugas dalam khidmat penyediaan kad matrik pelajar baharu.

Penampilan Baharu

Untuk memastikan agar penampilan sistem sedia ada kekal relevan, perubahan pesat telah dilaksanakan bagi memenuhi jangkaan pengguna.

Penjenamaan semula Anjung UNIMAS dengan penerapan teknologi *responsive web* adalah selaras dengan kajian semula peranan Sistem Anjung UNIMAS dan perubahan peranan laman web utama UNIMAS sebagai Portal Rasmi. Proses *reengineering* Sistem Penyelidikan (iRIS) turut memberi jurang perubahan yang amat besar terhadap versi sistem sebelumnya. Sistem Eksekutif (InMinds) tidak terkecuali dalam memberi penampilan baharu dan kesemua sistem-sistem tersebut kini serasi digunakan dalam peranti pintar.

MEMANTAPKAN INFRASTRUKTUR DAN INFOSTRUKTUR ICT

Melalui peruntukan RMK-10, proses naik taraf infrastruktur dan infostruktur ICT telah dapat dilaksanakan dengan penggantian perkakasan sistem rangkaian dan peranti keselamatan ICT di setiap blok bangunan UNIMAS.

Selain itu, gantian turut dibuat kepada pelayan-pelayan utama (*main servers*) yang menyokong sistem aplikasi utama universiti. Bagi tujuan keperluan penyediaan Pelan Kesenambungan Perkhidmatan (*Business Continuity Plan*), proses naik taraf litar suwa dan ruang Pusat Data Kedua turut dilaksanakan. Sistem kawalan keselamatan juga diperluas dengan pemasangan CCTV di beberapa lokasi utama.

MENGUKUHKAN GOVERNAN ICT

Bagi membolehkan ICT UNIMAS terus berkembang dengan pesat, tadbir urus ICT telah dimantapkan dengan strategik. Semakan semula telah dibuat terhadap kandungan *UNIMAS ICT Policy* dengan penghasilan dokumen *UNIMAS ICT Usage Policy* dan *UNIMAS ICT Governance Policy*. Selain itu, skop *MS ISO 2700:2013 Information Security Management System* turut diperluaskan bagi merangkumi keselamatan Sistem Maklumat Pelajar (SMP)-Prasiswazah.

Dalam usaha untuk menyediakan modal insan yang inovatif, kreatif dan berdaya saing, pusat ini telah melaksanakan program seperti berikut:

- Program Sangkutan Skim F ke Universiti Teknikal Malaysia (UTeM) pada 25 hingga 29 Ogos 2014.
- Sumbangsan dan Team Building PKTMK di Kota Kinabalu pada 25 hingga 28 September 2014 bertemakan *A Better CICTS*

Perlaksanaan hasil resolusi kedua-dua program tersebut akan dilaksanakan pada tahun 2015 menerusi perubahan budaya kerja yang lebih berdaya saing dan inovatif dalam memberi perkhidmatan kepada Universiti. Pencapaian 2014 merupakan bukti kesungguhan dan komitmen PKTMK memastikan aspirasi ICT universiti dapat direalisasikan.

“UNIMAS On The Go yang mula digunakan pada 6 Februari 2014, adalah merupakan aplikasi mobil bagi peranti pintar yang berperanan sebagai medium penghantaran notifikasi sepusat untuk aktiviti, konferens, iklan perolehan/kekosongan jawatan, status tuntutan perjalanan serta kalendar akademik.”



Sumber Manusia



SUMBER MANUSIA HUMAN RESOURCE



Pada tahun 2014, UNIMAS mempunyai kekuatan sumber manusia seramai 2,257 orang yang terdiri daripada kumpulan Akademik, Pengurusan & Profesional dan Pelaksana.

Di bawah Anggaran Belanjaan Mengurus (ABM) 2015 (Luar ABM), UNIMAS telah diluluskan sebanyak 20 jawatan baharu Pensyarah Universiti, tiga jawatan baharu untuk kumpulan Pengurusan & Profesional dan laluan kerjaya untuk kumpulan Pengurusan & Profesional dan Pelaksana menjadikan jumlah perjawatan yang diluluskan sehingga 31 Disember 2014 sebanyak 2,429.

Pelantikan dan Kenaikan Pangkat

Pada tahun 2014, UNIMAS telah mengorak langkah proaktif untuk menarik sumber manusia yang berbakat dan berkualiti melalui amalan pengambilan di dalam dan luar negara melalui sesi temuduga terbuka yang dijalankan secara intensif dari Julai hingga Disember 2014. Satu sesi temuduga terbuka di dalam negeri telah diadakan di Kuala Lumpur dan mendapat sambutan yang baik. Begitu juga dengan sesi temuduga yang dijalankan di luar negara iaitu di Tokyo, Jepun dan Pontianak, Indonesia telah mendapat sambutan yang menggalakkan. Daripada jumlah calon yang hadir semasa sesi-sesi temuduga terbuka tersebut, seramai 10 orang calon telah berjaya ditawarkan sebagai Pensyarah Universiti dan Pensyarah Perubatan. Kaedah pengambilan ini ternyata telah memperbaiki nisbah pensyarah:pelajar UNIMAS pada tahun 2014.

Walaupun fokus pengambilan kakitangan pada tahun 2014 adalah terhadap kumpulan akademik iaitu sejajar dengan peningkatan bilangan

pelajar UNIMAS semenjak tahun 2011, namun proses pengisian jawatan Kumpulan Pengurusan & Profesional dan Pelaksana turut dilakukan berdasarkan kepada kekosongan dan keperluan kritikal Pusat Tanggungjawab.

Daripada aspek kemajuan kerjaya, UNIMAS telah berjaya melaksanakan ekseseis kenaikan pangkat untuk staf akademik. Pada tahun ini juga, urusan kenaikan pangkat akademik telah melalui proses penambahbaikan yang menyaksikan kriteria khas kenaikan pangkat telah disemak semula untuk ekseseis yang akan datang. Penambahbaikan ini telah membawa kepada kewujudan kenaikan pangkat mengikut trek seperti berikut;

- Trek Pengajaran dan Penyelidikan
- Trek Penyelidikan dan Pengajaran
- Trek Klinikal
- Trek Sedia Ada

Manakala bagi urusan temu duga kenaikan pangkat kumpulan Pengurusan & Profesional dan Pelaksana, proses kenaikan pangkat telah diadakan bagi mengisi jawatan kenaikan pangkat yang telah dikosongkan berikutan peningkatan gred bagi penyandang sebelum ini.





Perkhidmatan dan Saraan

Kriteria Penilaian Prestasi Akademik telah ditambah baik bagi mendapatkan penilaian yang saksama untuk semua staf dan segala usaha ke arah mencapai sasaran kerja tahunan diberi pengiktirafan sewajarnya. Satu bengkel pementapan telah diadakan dan dipengerusikan sendiri oleh YBhg. Naib Canselor bagi melihat dan menambahbaik kriteria sedia ada. Taklimat kepada ahli akademik telah diadakan pada 23 Jun 2014 bertempat di Dewan Seminar, Pusat Islam Tun Abang Salahuddin bagi memperkenalkan pindaan baharu yang berkuat kuasa. Penekanan dalam menambah baik kriteria penilaian diputuskan dengan menetapkan *Notional Loading* bagi komponen penilaian utama iaitu Pengajaran, Penyeliaan, Penyelidikan dan Penerbitan, dan penilaian mengambil kira usaha (proses) ke arah kecemerlangan dan bukan kepada hasil sahaja. BPSM turut menambah baik sistem penyampaian dengan membangunkan semula modul Kenyataan Perkhidmatan (eKP). Antara langkah penambahbaikan yang diambil adalah dengan mengeluarkan modul daripada PeopleSoft agar sistem boleh dibangunkan dengan lebih mesra pengguna dan memudahkan dari segi kemasukan dan kemas kini maklumat perkhidmatan.

Dari segi urusan perkhidmatan, UNIMAS telah menerima pakai **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2011** – Pindaan Pelaksanaan Tapisan Keselamatan Bagi Pegawai Yang Dilantik Dalam Perkhidmatan Awam. Pelaksanaan urusan tapisan keselamatan ini boleh dilakukan secara atas talian melalui Sistem Tapisan Keselamatan Elektronik e-Vetting oleh Pejabat Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri. Dengan pelaksanaan ini, UNIMAS boleh memeriksa latar belakang pegawai bagi memastikan pegawai yang dilantik ke perkhidmatan awam bebas dan bersih daripada anasir subversif, espionaj dan sabotaj. Proses tapisan keselamatan ini mengandungi dua jenis tapisan iaitu *Kasar* dan *Halus* mengikut jenis jawatan pemohon.

Jabatan perkhidmatan Awam (JPA) telah mengeluarkan pekeliling untuk pelaksanaan skim perkhidmatan baharu iaitu berkaitan dengan penggubalan, penambahbaikan serta pemansuhan skim perkhidmatan jumud. Berikutan daripada 27 pekeliling perkhidmatan, sebanyak 14 peruntukan pekeliling perkhidmatan ini adalah terpakai untuk UNIMAS iaitu:

Pekeliling Perkhidmatan/ Surat Pekeliling Perkhidmatan	Tajuk
Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 2013	Pindaan Skim Perkhidmatan Jururawat Dengan Memperuntukkan Perbekalan Kenaikan Pangkat ke Kumpulan Pengurusan Tertinggi
Pekeliling Perkhidmatan Bil.10 Tahun 2013	Pindaan Terma Dan Perubahan Had Umur Kenaikan Pangkat Secara Lantikan
Pekeliling Perkhidmatan Bil.11 Tahun 2013	Penjumudan Skim Perkhidmatan Juruteknik Dan Pindaan Skim Perkhidmatan Pelukis Pelan, Penolong Jurutera, Penolong Pegawai Seni Bina Dan Penolong Juruukur Bahan
Pekeliling Perkhidmatan Bil.13 Tahun 2013	Penjumudan Skim Perkhidmatan Pembantu Pertanian Dan Pindaan Skim Perkhidmatan Penolong Pegawai Pertanian, Pembantu Veterinar Dan Penolong Pegawai Veterinar
Pekeliling Perkhidmatan Bil.16 Tahun 2013	Pindaan Nama Klasifikasi Perkhidmatan Mahir / Separuh Mahir / Tidak Mahir (R)
Pekeliling Perkhidmatan Bil.17 Tahun 2013	Pindaan Skim Perkhidmatan Operator Loji, Pemandu Kenderaan Dan Penghantaran Notis
Pekeliling Perkhidmatan Bil.18 Tahun 2013	Pindaan Skim Perkhidmatan Pemandu / Operator Jentera Pemungggah Dan Pembantu Perawatan Kesihatan
Pekeliling Perkhidmatan Bil.19 Tahun 2013	Skim Perkhidmatan Pembantu Operasi Dan Pembantu Awam
Pekeliling Perkhidmatan Bil.21 Tahun 2013	Pindaan Skim Perkhidmatan Penjaga Jentera Elektrik
Pekeliling Perkhidmatan Bil.22 Tahun 2013	Skim Perkhidmatan Pembantu Kemahiran
Pekeliling Perkhidmatan Bil.23 Tahun 2013	Pertukaran Pelantikan Pegawai Dalam Skim Perkhidmatan Jumud Kepada Skim Perkhidmatan Yang Berkuat Kuasa
Pekeliling Perkhidmatan Bil.24 Tahun 2013	Pindaan Skim Perkhidmatan Pegawai Kebudayaan, Penerbit Rancangan, Artis Budaya, Ahli Muzik, Ahli Fotografi, Jurusolek, Pereka Dan Pegawai Berita
Pekeliling Perkhidmatan Bil.28 Tahun 2013	Pindaan Skim Perkhidmatan Guru Bahasa
Pekeliling Perkhidmatan Bil.35 Tahun 2013	Tambahan Syarat Index Jisim Badan (<i>Body Mass Index</i>) Dalam Perbekalan Ukuran Fizikal.



Taklimat berhubung pelaksanaan skim perkhidmatan baharu telah diadakan pada 19 Februari 2014 bertujuan untuk memberi penerangan serta pencerahan secara terperinci mengenai penambahbaikan skim perkhidmatan serta pelaksanaan pemberian opsyen kepada pegawai yang terlibat. Seramai 319 orang staf daripada Kumpulan Pelaksana terlibat dengan tawaran pemberian opsyen ini.

UNIMAS turut menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Bil. 40 Tahun 2013: Penggabungan Skim Perkhidmatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah Dan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lulusan Diploma yang berkuatkuasa pada 1 Januari 2014. Pekeliling Perkhidmatan tersebut bertujuan untuk memaklumkan dan melaksanakan keputusan kerajaan mengenai penggabungan skim perkhidmatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) dan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lulusan Diploma (PPPLD) kepada skim perkhidmatan bersepadu iaitu skim perkhidmatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP).

Selain itu, tiga (3) kursus/bengkel telah diadakan bagi memantapkan pengetahuan serta kefahaman pegawai dan staf yang terlibat dengan urusan yang berkaitan dengan perkhidmatan agar selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa. Kursus/bengkel ini diadakan secara dalaman dengan menjemput pegawai daripada JPA iaitu:

1. Pengurusan Tatatertib
Tarikh: 19-20 Ogos 2014
Pn. Mawarni Sazali
Ketua Penolong Pengarah Bahagian Perkhidmatan Cawangan Operasi Perkhidmatan JPA
Pn. Mastura Zulkifley
Penolong Pengarah Bahagian Perkhidmatan Cawangan Operasi Perkhidmatan JPA
2. Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan)
Tarikh: 2-3 September 2014
Penceramah: En Syamsul Nizam Bin Mohd Razali
Ketua Penolong Pengarah Bahagian Perkhidmatan Cawangan Operasi Perkhidmatan JPA
3. Pengurusan Perkhidmatan
Tarikh: 22-23 September 2014
Penceramah: Pn Radiaton Nizar binti Muhammad Japri
Penolong Pengarah Bahagian Perkhidmatan Cawangan Operasi Perkhidmatan JPA



Kursus Pra Persaraan telah diadakan pada 12-13 Ogos 2014 bertempat di Regency, Rajah Court Hotel, Kuching. Penceramah adalah terdiri daripada pihak Bahagian Pasca Perkhidmatan (Pencen), Jabatan Perkhidmatan Awam. Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan kepada bakal-bakal pesara berhubung tindakan serta tanggungjawab menjelang tempoh persaraan. Peserta diberikan pendedahan tentang kemudahan yang bakal mereka peroleh serta sebagai persediaan awal kepada bakal pesara dalam membuat perancangan persaraan terutama dalam merancang hala tuju kehidupan baharu selepas persaraan.

Pada tahun 2014 semua kakitangan UNIMAS telah menerima Pergerakan Gaji Tahunan (PGT) mengikut bulan pergerakan masing-masing.

Pada penghujung bulan Disember 2014, Surat Pekeliling Bilangan 1 Tahun 2014 telahpun dikeluarkan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mengenai Perubahan Penetapan Gaji Permulaan Berikutan Penambahbaikan Skim Perkhidmatan Tahun 2013 Dan Penambahbaikan Jadual Gaji Minimum-Maksimum Di Bawah Sistem Saraan Malaysia. Iaitu bertujuan untuk menetapkan **gaji permulaan** seorang pegawai yang baru dilantik tertakluk kepada skim perkhidmatan berkenaan. Tarikh kuat kuasa surat pekeling ini adalah pada 1 November 2013 dan telah membatalkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2012.

Pada bulan Januari 2015, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2014 mengenai Imbuhan Tahunan Dan Bayaran Khas Prestasi Tahun 2014 telah dikeluarkan oleh pihak JPA. Pihak Pengurusan UNIMAS telah bersetuju untuk menerima pakai pekeling tersebut sejajar dengan arahan dan saranan kerajaan. Kakitangan UNIMAS telah menerima bayaran Imbuhan Tahunan Dan Bayaran Khas Prestasi Tahun 2014 pada bulan Januari 2015.

PEMBANGUNAN MODAL INSAN

UNIMAS beriltizam untuk membina warga universiti yang berilmu dan relevan untuk keperluan tanggungjawab dan amanah setiap peranan yang didokong. Salah satu strategi ke arah memastikan perkembangan ilmu dan kemahiran sentiasa dijalin dan dibangunkan adalah melalui pengurusan strategik pembangunan modal insan.

Antara kejayaan cemerlang universiti yang dicapai dalam tahun 2014, suatu Majlis Konvokesyen Kursus Peralihan Pembantu Makmal yang disempurnakan oleh Naib Canselor UNIMAS, YBhg Dato' Prof Mohd Kadim Suaidi telah menyaksikan seramai 23 orang staf UNIMAS berjaya menamatkan kursus pembantu makmal yang dijalankan selama 3 tahun. Daripada jumlah tersebut, seramai 5 orang peserta telah mendapat Anugerah Pelajar Cemerlang. Kursus Peralihan Pembantu Makmal ini bertujuan untuk membantu meningkatkan kemajuan kerjaya pembantu makmal dan menyokong dasar pembelajaran sepanjang hayat serta membantu meningkatkan kompetensi diri Pembantu Makmal dan meningkatkan kecekapan mereka dalam melaksanakan tugas secara berkesan.

Di samping kursus-kursus generik dan fungsional yang diadakan setiap tahun bagi meningkatkan kemahiran, pengetahuan dan motivasi staf, Unit Pembangunan Modal Insan, juga telah mengadakan 3 sesi Kursus Pengukuhan Pasukan bertempat di Pusat Latihan Staf UNIMAS, Bau pada tahun 2014. Kali ini, UNIMAS menggunakan khidmat staf dalaman yang terdiri daripada Pensyarah, Pegawai Keselamatan, PALAPES dan Pembantu Tadbir sebagai fasilitator, tanpa menggunakan khidmat konsultan luar.

Bil.	Gred/Kumpulan	Bil. Anggota	>7 Hari	<7 hari	Tidak Berkursus	Hadir berkursus panjang >3 bulan
1.	JUSA (VU)	4	4	0	0	
2.	Gred Khas VK (Profesor)	34	31	3	0	
3.	Pengurusan & Professional (Akademik)	501	450	51	0	
4.	Pengurusan & Professional (Bukan Akademik)	170	168	2	0	
5.	Sokongan 1 (gred 17-40)	879	786	93	0	
6.	Sokongan 2 (gred 1-16)	326	221	104	1	
Jumlah		1917	1660	253	1	
Peratusan			86.7	13.2	0.1	
Peratusan Staf Telah Berkursus			99.9			



FEBRUARI

- 📌 Amanat Naib Canselor 2014
- 📌 Aspirasi bersama Pendaftar & Taklimat Pengurusan Prestasi
- 📌 Kursus Pengurusan Prestasi



MAC

- 📌 Bengkel Pengurusan Kewangan
- 📌 Kursus Kepimpinan Pengurusan Organisasi
- 📌 Bengkel Kajian Semula dan Kemaskini Fail Meja (FM) dan Manual Prosedur Kerja (MPK)
- 📌 Program Tranformasi Minda (PTM Siri 1B/2014)
- 📌 Seminar ICT: Pengurusan Mesyuarat menggunakan eMesyuarat
- 📌 Perkongsian Ilmu-Program Capaian Global Melbourne, Australia
- 📌 Bengkel Perlaksanaan RDA
- 📌 Bengkel Pengemakian MPK & FM
- 📌 Bengkel Mencatit & Menulis Minit Mesyuarat

APRIL

- 📌 Blue Ocean Strategy
- 📌 English For Counter Service, Communication & Writing Skills Course
- 📌 Kursus Kepimpinan dan Tanggungjawab Syif
- 📌 Bengkel Jadual Tugas
- 📌 Kursus Automasi Pejabat - Siri 1
- 📌 Kursus Automasi Pejabat - Siri 2
- 📌 HR Lunch Hour Talk: Akta Badan-badan Berkanun
- 📌 Tawaran Menghadiri Bengkel Pengurusan Aset Alih Menangani Kehilangan Aset-aset Alih UNIMAS
- 📌 Program Ceramah Agama: Kesan solat ke atas kesihatan dan kehidupan
- 📌 Kursus Pemantapan Profesionalisme Bidang Kaunseling "Bengkel Get The Look: Professional Image"
- 📌 Bengkel Strategi Kawalan Keselamatan Kampus
- 📌 Kursus Pengukuhan Pasukan - Pejabat Pembangunan
- 📌 Sesi Perkongsian Ilmu PKMA, Siri 1
- 📌 Bengkel Pemantapan Peranan dan Tugas Felo
- 📌 Kursus Pembinaan Personaliti, Etiket dan Protokol
- 📌 Program Kempen Cegah Risiko Penyakit 3 Serangkai (Jantung, Diabetes & Darah Tinggi)

MEI

- Kursus Siasatan
- Bengkel Prinsip Asas Keselamatan Proses Kimia
- Bengkel Setiausaha SUPER
- Kursus Pendedahan Isu Kaunseling Keluarga, Perkahwinan dan Keibubapaan
- Ceramah Kesedaran Gangguan Seksual
- Bengkel Laboratory and Field Testing of Soils and Rocks
- Bengkel Kriteria Kelulusan Untuk sumbangan Bantuan Perubatan Staf UNIMAS, Siri 1
- Sumbang saran Canselor
- Kursus Qiraatil Quran
- Kursus Pengurusan Sumber Manusia
- Bengkel Pengenalan Pendawaian Elektrik Satu Fasa
- JAVA
- Latihan Understanding ISO/IEC 17025:2005
- Modul O
- Bengkel Psychology Tools
- Penataan Sistem Saraya
- ISO 9001:2008 Internal Audit Refresher Program
- Bengkel Kriteria Kelulusan Untuk sumbangan Bantuan Perubatan Staf UNIMAS, Siri 2
- Bengkel Profailing Kompetensi

JUN

- Program Tranformasi Minda (PTM Siri 1A/2014)
- Ceramah Anti-Aging Psychology: Let's Age Healthily and Beautifully
- Ceramah Kempen Pencegahan & Pengawalan Penyakit Tibi
- Bengkel Peraturan Pegawai Awam
- Women Response Technique (WRT)
- Kursus Kreativiti Berkariir 'Peningkatan Potensi & Prestasi'
- Kursus Android Application Development
- Kursus Pemantapan Teori Kaunseling dalam Perkhidmatan Kaunseling
- Ceramah Anti-Aging Psychology: Let's Age Healthily and Beautifully
- Ceramah Anti-Aging Psychology: Let's Age Healthily and Beautifully
- Kursus Pengendalian Stres
- Kursus Pengukuhan Pasukan - Siri 1
- Kursus Penulisan Laporan (FIR)
- Ihya Ramadhan 1435H/2014M: Mendidik Rohani dan Jasmani di Bulan Ramadan



JULAI

- Tazkirah Ramadhan (1130-1230 tengahari)
- Bengkel Pengurusan Tataertib
- Bengkel Pengurusan Tenaga dan Alam Sekitar
- Sesi Perkongsian Ilmu-Creative Arts Intervention :
- The Application & Techniques For Psychological Therapy
- Puasa Menjana Tranformasi Diri
- Bengkel Joomla!
- Aspirasi bersama Pendaftar & Taklimat Pengurusan Prestasi
- Kursus Basic ECG Course
- Seminar Pengenalan GST

OGOS

- Kursus Pra Persaraan UNIMAS
- Bengkel Pengenalan Kepada Biokeselamatan dan Biosekuriti
- Kursus Bahasa Inggeris Staf PKMA
- Bengkel Kehebatan Minda & Imej Positif
- Kursus Pengukuhan Pasukan - Siri 2
- Kursus Pengurusan Tataertib
- Kursus Automotive Service & Diagnostic, Siri 1
- Seminar Ketamadunan Dan Pemikiran Islam
- Workshop on Phlebotomy
- Kursus Pengukuhan Pasukan - Siri 3
- Program Tranformasi Minda (PTM Siri 2A/2014)
- Basic Life Support For Healthcare Providers
- Modul O, Siri 2
- Kursus Pengurusan Jenazah
- Bengkel Penulisan Minit Mesyuarat untuk Pengurusan Profesional
- Bengkel Pemurnian Garis Panduan & Dokumen Perjanjian Cuti Belajar

SEPTEMBER

- ⬆ Bengkel Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan
- ⬆ Perkongsian Ilmu-Selepas Bengkel GST IPTA 2014
- ⬆ Perkongsian Ilmu-Good and Services Tax (GST)
- ⬆ Kursus Pengenalan Kepada Sistem Rangkaian Setempat (LAN)
- ⬆ Kursus Akta Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) dan Akta Kilang & Jentera (Pindaan – 2006) – Pengenalan, Pematuhan dan Pengurusan
- ⬆ Program Mental Illness Awareness: Personality Disorder
- ⬆ Bengkel Pengurusan Risiko
- ⬆ Bengkel Dokumentasi dan Penerbitan Bahan Korporat
- ⬆ Workshop on Cervical Cancer & PAP Smears Test
- ⬆ Kursus Siasatan
- ⬆ Sesi Perkongsian Ilmu Pembudayaan Amalan QE/5S
- ⬆ Bengkel Pemurnian Kriteria Anugerah Inovasi PTJ
- ⬆ Kursus Program Pembangunan Pegawai-Pegawai Pengurusan Perkhidmatan
- ⬆ Kursus Peningkatan Jati Diri Sahsiah Dan Kerohanian
- ⬆ Bengkel Autonomi PnP
- ⬆ Bengkel Penulisan Artikel
- ⬆ Kursus Pemantapan Operasi, Siri 1 (Kawalan Pintu Keluar Masuk)
- ⬆ Kursus Pemantapan Operasi, Siri 2 (Kawalan Pintu Keluar Masuk)
- ⬆ Kursus Pemantapan Operasi, Siri 3 (Kawalan Pintu Keluar Masuk)
- ⬆ Kursus Automotive Service & Diagnostic, Siri 2
- ⬆ Seminar Keluarga & Kerjaya, Siri 1

OKTOBER

- ⬆ Seminar Keluarga & Kerjaya, Siri 2
- ⬆ Bengkel Pemurnian Microsite Pejabat Pendaftar
- ⬆ Kursus Pengurusan Acara
- ⬆ 1 Day Emergency First And CPR Course
- ⬆ Bengkel Pemantapan People Soft Version 9.1 BPSM
- ⬆ Bengkel Pemurnian Dokumen/Fail 5S Bersmaa Mentor 5S
- ⬆ Bengkel Instrumentasi
- ⬆ Ipad In Education, Siri 1
- ⬆ Kursus Pengucapan Awam Berkesan
- ⬆ Kursus Protokol & Pengurusan Acara (Liaison Officer dan Pembantu Majlis)
- ⬆ Sesi Perkongsian Ilmu PKMA-Siri 3



NOVEMBER

- ⬆ Program Latihan Fizikal Skim KP
- ⬆ Program Berkomunikasi Berksean
- ⬆ Taklimat MPK
- ⬆ Kursus Pembangunan Diri Dan Peningkatan Motivasi
- ⬆ Kursus Pengurusan Masjid IPT
- ⬆ Bengkel Taklimat Pemahaman Keperluan ISO/IEC 27001:2013
- ⬆ Penataan Sistem Bunyi
- ⬆ Kursus Lanskap Dan Nurseri
- ⬆ Program Tranformasi Minda (PTM Siri 2B/2014)
- ⬆ Kursus MIDI 1
- ⬆ Kursus Kecemerlangan Diri & Kemajuan Kerjaya
- ⬆ Program The Power Of Dynamic Leadership
- ⬆ Kursus MIDI 2

DISEMBER

- ⬆ Bengkel Pengenalan Sistem Solar PV



Laporan UNIMAS Holdings



Tahun 2014 merupakan tahun yang amat mencabar bagi UNIMAS Holdings Sdn Bhd (UNIMAS Holdings). Setelah usaha pemulihan syarikat pada tahun 2013, UNIMAS Holdings telah beralih ke arah menyusun perancangan strategik untuk mengembangkan perniagaan syarikat di samping mengekalkan dan mengamalkan tadbir-urus korporat (corporate governance) yang baik. UNIMAS Holdings telah berjaya melaksanakan beberapa perubahan baharu ke atas dasar dan operasi syarikat sehingga telah mencatatkan keuntungan yang memberangsangkan sejak penubuhannya.

Sebagai menyahut sasaran ketulusan dan integriti, UNIMAS Holdings telah mengambil tindakan mewujudkan Bahagian Audit Dalaman dan menubuhkan Jawatankuasa Audit Dalaman (Internal Audit Committee). Selain itu, *Standard Operating Procedure* (SOP) syarikat terus dimantapkan, antara lain termasuklah menggariskan prosedur pengurusan aset tetap syarikat.

Dari segi pemasaran pula, Pusat Pembelajaran Integrasi UNIMAS telah dibuka di Miri bagi mensasarkan pasaran di sebelah Utara Sarawak dan Brunei bagi mempromosikan program pascasiswazah (kerja kursus) UNIMAS. Selain itu, UNIMAS Holdings juga telah menubuhkan Pusat Pembelajaran yang pertama di Semenanjung Malaysia melalui kerjasama dengan The International Malaysia Education Centre (IMEC). Empat Program Pascasiswazah UNIMAS yang telah mendapat perakuan akreditasi daripada Malaysian Qualification Agency (MQA) yang akan ditawarkan di pusat tersebut adalah *Master of Advance Information Technology*, *Corporate Master in Business Administration*, *Master of Science in Human Resource Development and Masters in Learning Sciences*.

UNIMAS Holdings juga telah mengadakan Bengkel Transformasi Perniagaan pada Ogos 2014

“UNIMAS Holdings telah berjaya melaksanakan beberapa perubahan baharu ke atas dasar dan operasi syarikat sehingga telah mencatatkan keuntungan yang memberangsangkan sejak penubuhannya.”

bagi mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh syarikat. Semua pihak pengurusan atasan UNIMAS termasuk Naib Canselor dan Timbalan-timbalan Naib Canselor, Dekan-dekan, Pengarah-pengarah Jabatan, Ketua-ketua Jabatan dan Pensyarah (perunding) telah dijemput untuk memberi pandangan, cadangan dan strategi yang membina untuk membantu UNIMAS Holdings bergerak dengan lebih pantas dalam mengejar dan mengadaptasi arus perubahan sosio-ekonomi semasa yang drastik.

Selain itu, perbelanjaan syarikat terus dipantau dan diurus selaras dengan matlamat, objektif dan keperluan semasa syarikat. Pada masa yang sama, kawalan pengurusan wang tunai telah diperketatkan. Pihak syarikat juga telah beralih ke sistem perisian perakaunan yang lebih komprehensif bagi memenuhi keperluan pelbagai transaksi urus niaga..

Kolej Dahlia, ialah sebuah kolej penginapan pelajar yang baharu di UNIMAS telah siap dibina pada pertengahan 2014 dan UNIMAS Holdings telah diberi kepercayaan oleh UNIMAS untuk menguruskan Blok A yang terdiri daripada 6 blok dengan 448 buah bilik. UNIMAS Holdings telah memutuskan untuk menjadikan kolej tersebut sebagai kolej premium berpenghawa dingin lengkap dengan perabot dan fasiliti yang berkualiti tinggi. Pendapatan daripada Kolej Dahlia akan menjadi salah satu sumber kewangan utama syarikat di samping Student Pavilion.



“Sebagai sebuah anak syarikat milik penuh UNIMAS, UNIMAS Holdings akan terus berusaha untuk memperkembangkan perniagaannya dan peranannya agar menjadi entiti perniagaan yang berdaya maju, di samping melaksanakan peranan lain yang dipertanggungjawabkan oleh Universiti dalam usaha Universiti menjadi sebuah institusi pengajian tinggi yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.”



Sebagai usaha mempertingkatkan kemahiran, kakitangan telah digalakkan untuk menghadiri kursus-kursus dan latihan-latihan. Pegawai-pegawai dari Bahagian Akaun antara lain telah dihantar untuk menghadiri kursus-kursus berkenaan GST bagi persediaan menyambut ketibaan pelaksaa GST pada 1hb April 2015. Sistem penilaian prestasi yang diperkenalkan pada tahun 2013 masih diteruskan bagi menilai prestasi dan sumbangan mereka kepada pertumbuhan syarikat.

Daripada segi kunjungan dari badan luar pula, syarikat bekerjasama dengan Majlis Syarikat-syarikat Induk IPTA Malaysia (MSIM) telah dengan jayanya menganjurkan Mesyuarat Agong Tahunan ke-3 MSIM di Hotel Riverside Majestic pada 16 Jun 2014. Majlis tersebut telah dirasmikan oleh YB Datuk Hajah Fatimah Abdullah selaku Menteri Kebajikan, Wanita dan Pembangunan Keluarga Sarawak. Sebanyak kira-kira 20 buah anak syarikat universiti-universiti di seluruh Malaysia telah menyertai majlis tersebut bagi berkongsi pandangan, cadangan dan pengalaman masing-masing berkenaan isu-isu pentadbiran anak-anak syarikat milik universiti awam.

Sebagai sebuah anak syarikat milik penuh UNIMAS, UNIMAS Holdings akan terus berusaha untuk memperkembangkan perniagaannya dan peranannya agar menjadi entiti perniagaan yang berdaya maju, di samping melaksanakan peranan lain yang dipertanggungjawabkan oleh Universiti dalam usaha Universiti menjadi sebuah institusi pengajian tinggi yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.




Laporan Kewangan



PERBELANJAAN MENGURUS DAN PEMBANGUNAN


Pendapatan mengurus UNIMAS pada tahun 2014 ialah sebanyak RM274,428,838 berbanding dengan RM255,851,861 pada tahun 2013. Ini merupakan peningkatan sebanyak RM18,576,977 (+7.26%). Daripada jumlah pendapatan mengurus tahun 2014, sebanyak RM227,614,684 adalah merupakan pemberian kerajaan dan bakinya RM46,814,154 adalah hasil dalaman UNIMAS. Perbelanjaan mengurus UNIMAS pada tahun 2014 pula ialah sebanyak RM302,587,175 berbanding dengan RM238,927,318 pada tahun 2013. Ini merupakan peningkatan sebanyak RM63,659,857 (+26.64%). Lebihan perbelanjaan dari pendapatan bagi tahun 2014 ialah RM28,158,337 berbanding dengan lebihan pendapatan RM16,924,543 pada tahun 2013. Secara keseluruhannya, lebihan terkumpul pendapatan mengurus UNIMAS sehingga tahun 2014 ialah sebanyak RM243,708,066 berbanding dengan RM271,866,403 pada tahun 2013. Lebihan terkumpul ini terdiri dari aset tetap, akaun-akaun penghutang dan tunai yang akan digunakan untuk membiayai komitmen tahun 2014.

Perbandingan pendapatan dan perbelanjaan mengurus universiti untuk tempoh lima (5) tahun adalah seperti jadual di bawah.



Pendapatan pembangunan UNIMAS pada tahun 2014 ialah sebanyak RM35,500,000 berbanding dengan RM15,100,000 pada tahun 2013. Ini merupakan peningkatan sebanyak RM20,400,000 (+135.10%). Perbelanjaan pembangunan pada tahun 2014 pula sebanyak RM28,304,424 berbanding dengan RM70,749,165 pada tahun 2013. Ini merupakan penurunan sebanyak RM42,444,741 (-59.99%). Dengan itu terdapat lebih pendapatan sebanyak RM7,195,576 pada tahun 2014 berbanding dengan lebih perbelanjaan dari pendapatan sebanyak RM55,649,165 pada tahun 2013. Secara keseluruhannya, pendapatan pembangunan terkumpul UNIMAS pada tahun 2014 ialah RM89,378,203 berbanding RM82,182,627 pada tahun 2013. Ini merupakan peningkatan sebanyak RM7,195,576 (+8.76%). Lebih terkumpul ini adalah terdiri daripada nilai aset bangunan, infrastruktur dan aset tetap lain yang dibayar dari geran pembangunan kerajaan sejak dari mula UNIMAS ditubuhkan.

Perbandingan pendapatan dan perbelanjaan pembangunan universiti untuk tempoh lima (5) tahun adalah seperti jadual di bawah.



HARTA DAN TANGGUNGAN

Jumlah nilai aset hartanah, loji dan peralatan, pelaburan serta pinjaman UNIMAS pada tahun 2014 ialah sebanyak RM1,323,423,356 berbanding dengan RM1,337,395,160 pada tahun 2013. Ini merupakan penurunan sebanyak RM13,971,804 (-1.04%). Harta semasa UNIMAS pula berjumlah RM453,619,490 pada tahun 2014 berbanding dengan RM417,600,647 pada tahun 2013. Ini merupakan peningkatan sebanyak RM36,018,843 (+8.63%).

Tanggungan semasa UNIMAS pada tahun 2014 ialah sebanyak RM25,608,967 berbanding dengan RM15,634,320 pada tahun 2013. Ini merupakan peningkatan sebanyak RM9,974,647 (+63.80%). Pada tahun 2014, jumlah aset bersih UNIMAS adalah sebanyak RM1,751,433,879 berbanding dengan RM1,739,361,487 pada tahun 2013. Ini merupakan peningkatan sebanyak RM12,072,392 (+0.69%).

RIZAB TUNAI

Kedudukan rizab tunai UNIMAS pada tahun 2014 sebanyak RM440,946,874 berbanding RM403,790,467 pada tahun 2013. Ini merupakan peningkatan sebanyak RM37,156,407 (+9.20%). Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM234,157,559 (53.10%) adalah rizab mengurus bagi Tabung Pengurusan Kolej dan sebahagiannya akan digunakan untuk membiayai komitmen 2014. Sebanyak RM120,147,587 (27.25%) merupakan rizab bagi pelbagai akaun amanah yang telah terikat dengan Surat Ikatan Amanah serta merupakan amaun liabiliti semasa dan liabiliti jangka panjang yang perlu dibayar balik oleh UNIMAS kepada pihak pemiutang.

Selain dari itu, terdapat rizab tunai untuk pembangunan sebanyak RM86,641,728 (19.65%) yang akan digunakan untuk membiayai projek pembangunan yang telah dipertanggungjawabkan dalam komitmen modal sebanyak RM9,293,721.


**LAPORAN RINGKASAN KEDUDUKAN KEWANGAN DAN PRESTASI
TAHUNAN TAHUN 2014**

Nama Agensi : Universiti Malaysia Sarawak

1. PERANGKAAAN KEWANGAN YANG PENTING	TAHUN		PERBEZAAN(%) +(-)
	2014 (RM)	2013 (RM)	
I. Mengurus			
Pendapatan :			
- Pemberian Kerajaan	227,614,684	210,025,726	8.37
- Sumber Dalamann	46,814,154	45,826,135	2.16
Perbelanjaan	(302,587,175)	(238,927,318)	26.64
	(28,158,337)	16,924,543	(266.38)
II. Pembangunan			
Pendapatan :			
- Pemberian Kerajaan	35,500,000	15,100,000	135.10
Perbelanjaan	(28,304,424)	(70,749,165)	(59.99)
	7,195,576	(55,649,165)	(112.93)
III. Lebihan/Kurangan			
Mengurus	(28,158,337)	16,924,543	(266.38)
Pembangunan	7,195,576	(55,649,165)	(112.93)
	(20,962,761)	(38,724,622)	(45.87)
IV. Lebihan/Kurangan Terkumpul			
Kumpulan Wang Pengurusan	243,708,066	271,866,403	(10.36)
Kumpulan Wang Pembangunan	89,378,203	82,182,627	8.76
	333,086,269	354,049,030	(5.92)
V. Harta Tetap	1,323,423,356	1,337,395,160	(1.04)
VI. Harta Semasa	453,619,490	417,600,647	8.63
VII. Tanggungan Semasa	25,608,967	15,634,320	63.80
VIII. Tanggungan Jangka Panjang	12,698,900	12,637,395	0.49
IX. Harta Bersih	1,751,433,879	1,739,361,487	0.69
X. Modal Digunakan	428,010,523	401,966,327	6.48
XI. Rizab Tunai			
- Simpanan Tetap	379,792,020	369,681,356	2.73
- Wang di Bank	61,142,255	34,098,575	79.31
- Wang Dalam Tangan	12,599	10,536	19.58
XII. Penglibatan Modal			
- Kontrak diluluskan dan terikat	9,293,721	3,870,034	140.15
- Kontrak diluluskan dan belum terikat	-	-	-
X. Nisbah Kewangan			
- Aset Semasa/Tanggungan Semasa*	17.71	26.71	
- Aset Mudah Cair/Tanggungan Semasa**	17.71	26.70	
- Jumlah Hutang/Jumlah Harta	0.02	0.02	
- Modal Digunakan/Jumlah Tanggungan	11.17	14.22	
- Modal Digunakan/Harta Tetap	0.32	0.30	

* Ia memberi gambaran tentang keupayaan agensi dalam melunaskan pembayaran hutang-hutang jangka pendek.

** Ia mengukur kebolehan untuk menghasilkan tunai di sepanjang tahun untuk memenuhi pembayaran tunai hutang/liabiliti semasa.



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Penyata Kewangan Universiti Malaysia Sarawak dan Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Lembaran Imbangan Pada 31 Disember 2014 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persembahan penyata kewangan tersebut yang saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Universiti Dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30). Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan entiti dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti tersebut. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang diguna

pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta persembahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat audit saya.

Pendapat

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Universiti Malaysia Sarawak dan Kumpulan pada 31 Disember 2014 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.

Saya telah mempertimbangkan penyata kewangan dan laporan juruaudit bagi semua syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam nota kepada penyata kewangan. Saya berpuas hati bahawa penyata kewangan berkenaan telah disatukan dengan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Sarawak dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan penyata kewangan. Saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut. Laporan juruaudit mengenai penyata kewangan syarikat subsidiari berkenaan tidak mengandungi sebarang pemerhatian yang boleh menjejaskan penyata kewangan.



(DATIN PADUKA ONG SWEE LENG)

b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
30 APRIL 2015



**PENYATA Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga
Pengarah Universiti Malaysia Sarawak**


Kami **DATU DR HATTA BIN SOLHI** dan **PROF DATO' DR MOHAMAD KADIM BIN SUAIDI** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Sarawak dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan nota-nota di dalamnya adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Universiti Malaysia Sarawak pada 31 Disember 2014 dan hasil kendalian serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi Pihak Lembaga Pengarah



NAMA: **DATU DR HATTA BIN SOLHI**

Bagi Pihak Lembaga Pengarah



NAMA: **PROF DATO' DR MOHAMAD KADIM
BIN HAJI SUAIDI**

GELARAN: **PENGERUSI
LEMBAGA PENGARAH**

GELARAN: **NAIB CANSOLOR**

TARIKH: **04 FEBRUARI 2015**

TARIKH: **04 FEBRUARI 2015**

TEMPAT: **KOTA SAMARAHAN**

TEMPAT: **KOTA SAMARAHAN**

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN
KEWANGAN UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK**

Saya **MAZLAN BIN KIFLIE** pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Universiti Malaysia Sarawak dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2014, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2014 beserta dengan nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh)
)
penama di atas **Mazlan bin Kiflie**)
di *KUCHING* pada **04 FEB 2015**)
)
..... 2015)



Di hadapan saya,



UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
[Ditubuhkan di bawah Perintah Universiti Malaysia Sarawak (Perbadanan) 1992]
LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2014

	Nota	KUMPULAN		UNIVERSITI	
		2014 RM	2013 RM	2014 RM	2013 RM
Kedai, Loji dan Peralatan	5	1,318,711,513	1,115,219,920	1,308,777,057	1,106,056,951
Pembinaan Dalam Kemajuan	6	4,523,329	217,980,150	4,523,329	217,980,150
